

BAB 8 PENGURUSAN DAN PELAKSANAAN RANCANGAN FIZIKAL NEGARA

Pengurusan dan pelaksanaan RFN4 memerlukan tadbir urus yang efektif dan berkesan. Penglibatan dan kerjasama daripada semua agensi dan pihak berkepentingan adalah penting sama ada di peringkat persekutuan, negeri atau tempatan.

Perancangan dan pemajuan fizikal melibatkan pelbagai aspek pembangunan. RFN4 telah mengenal pasti strategi dan tindakan yang memerlukan kolaborasi dan usaha sama daripada pelbagai agensi yang bertanggungjawab dalam aspek-aspek pembangunan yang berkaitan.

Dalam usaha untuk mencapai matlamat RFN4, penilaian dan pemantauan yang berterusan terhadap status pelaksanaan dan pencapaian RFN adalah penting bagi memastikan pembangunan fizikal negara menuju ke arah pembentukan sebuah negara yang makmur, berdaya tahan dan sejahtera.



Pendekatan Tadbir urus RFN4

Pelaksanaan RFN4 memerlukan pengurusan dan pelaksanaan yang menyeluruh. Usaha sama yang berterusan antara semua agensi dan pihak berkepentingan adalah penting ke arah mencapai matlamat RFN4 ini.

Sehubungan dengan itu, tiga (3) pendekatan tadbir urus RFN akan terus ditekankan ke arah keberkesanan pelaksanaan RFN ini.

PENDEKATAN TADBIR URUS RFN4



1 Tadbir Urus Institusi

Penyelarasan dan pelaksanaan secara bersepadu di pelbagai peringkat yang melibatkan fungsi dan bidang kuasa pelbagai agensi.

Pelaksanaan RFN memerlukan penglibatan daripada pelbagai pihak iaitu di peringkat persekutuan, negeri dan tempatan bagi memastikan strategi dan tindakan RFN diterjemah dan dilaksanakan.

URUS TADBIR UTAMA DALAM PERANCANGAN FIZIKAL

Kerajaan Persekutuan	Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN)
Kerajaan Negeri	Jawatankuasa Perancang Wilayah (JPW)
Kerajaan Tempatan	Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN)
	Majlis Penuh (PBT)

2 Tadbir Urus Strategik

Hala tuju strategik, strategi dan tindakan yang digariskan dalam RFN4 dapat dijadikan sebagai panduan dalam pelaksanaan secara komprehensif.

RFN4 dirangka dengan matlamat bagi mencapai pembangunan negara yang makmur, berdaya tahan dan sejahtera. Untuk mencapai matlamat tersebut, strategi dan tindakan dibentuk berasaskan kepada tiga (3) teras pembangunan utama.

Pelaksanaan RFN4 akan berpandukan kepada strategi dan tindakan yang digariskan dengan mengambil pendekatan yang berorientasikan langkah-langkah strategik yang lebih spesifik untuk dilaksanakan. Ini termasuk empat (4) inisiatif strategik utama yang penting untuk dilaksanakan dalam tempoh lima (5) tahun sehingga tahun 2025.

STRUKTUR RANCANGAN FIZIKAL NEGARA KE-4



3 Tadbir Urus Operasi

Mekanisme pelaksanaan dan pemantauan yang efektif bagi memastikan pelaksanaan yang berkesan dan dinamik.

RFN4 telah menggariskan strategi-strategi dan tindakan pembangunan mengikut sektoral bagi agensi-agensinya melaksanakan berkaitan mengambil tindakan supaya mencapai hala tuju ditetapkan. RFN4 juga sebagai asas kepada agensi-agensinya melaksanakan dalam membuat perancangan projek-projek strategik untuk mendapatkan peruntukan Rancangan Malaysia Lima Tahun (RMLT).

Status pelaksanaan dan pencapaian RFN4 perlu sentiasa dipantau dan dinilai secara berkala. Bagi strategi yang tidak mencapai sasaran, kajian semula hendaklah dilakukan bagi disesuaikan semula dengan keadaan dan keperluan semasa. Penilaian dan pemantauan yang efektif ke atas pelaksanaan RFN4 adalah penting bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan RFN ke arah pembangunan negara yang lebih mampan.

KITARAN DALAM OPERASI RFN



Cadangan RFN4

Untuk memperkukuhkan mekanisme pelaksanaan tadbir urus operasi, RFN4 mencadangkan:


- Menubuhkan **Kumpulan Kerja RFN** mengikut tiga (3) Teras Pembangunan RFN4
- **Empat (4) Inisiatif Strategik Utama RFN4** untuk dilaksanakan

Mekanisme Institusi Untuk Pelaksanaan RFN4

Berdasarkan peruntukan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172], setiap institusi perancangan mempunyai peranan dan tanggungjawab tersendiri bagi memastikan RFN4 dilaksanakan dengan berkesan. Ini melibatkan Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN), Jawatankuasa Perancang Wilayah (JPW), Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN) dan Majlis Penuh (PBT) (Rajah 8-1).

Pencapaian matlamat perancangan dan pembangunan negara yang makmur, berdaya tahan dan sejahtera, RFN4 harus diterjemahkan ke semua peringkat perancangan antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Untuk memperkukuhkan keberkesanan pelaksanaan RFN4, adalah disyorkan agar fungsi MPFN diperkasakan dengan mewujudkan Jawatankuasa Pemantauan Pelaksanaan RFN.

Rajah 8-1: Struktur Urus Tadbir Perancangan Fizikal



Memperkasa Majlis Perancang Fizikal Negara

Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) bertanggungjawab dalam merangka dasar-dasar perancangan dan menyelaraskan pembangunan fizikal negara. MPFN juga berfungsi untuk menasihati Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan perancangan dan pembangunan fizikal.

MPFN memainkan peranan yang penting bagi memastikan pemajuan fizikal yang mampan di Malaysia melalui sistem perancangan bandar dan desa yang berkesan dan efisien. Ini termasuk memberi nasihat terhadap cadangan pemajuan yang dirujuk kepada MPFN bagi memastikan bentuk pembangunan yang mampan.

Untuk menyokong dan melaksanakan perkara-perkara di bawah bidang kuasa dan tanggungjawab MPFN, jawatankuasa berikut telah ditubuhkan seperti di **Rajah 8-2**;

Jawatankuasa Kerja MPFN

Membincang dan memperakukan kertas-kertas kerja yang telah diteliti dan disyorkan oleh Jawatankuasa Teknikal MPFN dan Jawatankuasa Kawal Selia MPFN sebelum diangkat untuk pertimbangan MPFN.

Jawatankuasa Teknikal MPFN

Merangka, merancang dan menyelaraskan perancangan yang melibatkan RFN, RS, rancangan wilayah, perancangan antara negeri, serta garis, piawaian, peraturan / kaedah yang berkaitan dengan perancangan.

Jawatankuasa Kawal Selia MPFN

Mengawal selia terhadap cadangan pemajuan di bawah Seksyen 22(2A), Akta 172 serta menasihati Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri mengenai perkara-perkara yang berkaitan prinsip-prinsip perancangan, dasar-dasar dan garis panduan-garis panduan yang berkaitan bandar dan desa.



Rajah 8-2: Struktur Pengurusan MPFN

Pemantauan dan pelaksanaan RFN perlu sentiasa dilaksanakan dan dilaporkan kepada MPFN secara berkala. Ini bertujuan bagi memastikan strategi dan tindakan RFN dilaksanakan dengan baik dan efektif, serta selaras di setiap peringkat perancangan.

Jawatankuasa Pemantauan Pelaksanaan RFN

Sebagai jawatankuasa baharu yang bertanggungjawab memantau status pelaksanaan RFN.

Jawatankuasa ini akan dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan diurusetikan oleh Bahagian Kemampanan Bandar dan Persekitaran Hijau.

Peranan Jawatankuasa Perancang Negeri

Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN) adalah pihak perancangan fizikal di peringkat negeri yang berperanan memastikan perancangan dan pembangunan fizikal negeri selaras dengan rangka dasar negara, terutamanya mengenai pemuliharaan, penggunaan dan pemajuan tanah. JPN perlu memastikan dokumen RFN dirujuk dan perlu diterjemahkan semasa menyediakan Rancangan Struktur (RS) sebagai dasar perancangan fizikal di peringkat negeri. Ini bertujuan bagi penyelarasan rangka perancangan spatial antara RFN dan RS yang melibatkan antaranya:

1. Kawasan pembangunan baharu, pusat pertumbuhan pembangunan dan tebus guna pinggir laut;
2. Infrastruktur dan rangkaian perhubungan pengangkutan utama negara (seperti lapangan terbang, pelabuhan laut, pelabuhan darat, rangkaian kereta api, lebuh raya, stesen jana kuasa, empangan); dan
3. Aset ekologi semula jadi dan perlindungan kawasan perairan persisiran pantai

Bagi memastikan RFN dilaksanakan dengan efektif di peringkat negeri, RFN perlu diterjemahkan ke dalam Rancangan Struktur (RS) dan Rancangan Tempatan (RT).

Seksyen 6B(3) Akta 172 memperuntukkan bahawa semasa penyediaan draf RFN, Ketua Pengarah PLANMalaysia hendaklah berunding dengan setiap Pihak Berkuasa Negeri melalui Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN). JPN pula hendaklah mendapat arahan dan nasihat MPFN sebelum meluluskan sesuatu draf RS.

Dalam peringkat penyediaan RS, Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN) hendaklah berunding dengan Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) bagi mendapat arahan dan nasihat dalam menyelaraskan perancangan fizikal sebelum JPN meluluskan.

Adalah penting MPFN menjadi platform utama antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri untuk berunding dan mencapai persetujuan bersama, termasuk perkara-perkara di bawah peruntukkan seksyen 22 (2A) yang perlu dirujuk kepada MPFN.

RFN4 telah menterjemahkan hala tuju strategik negara ke dalam Pelan Pengurusan Spatial Negeri bagi semua negeri Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan. Semasa penyediaan draf RS, Pelan Pengurusan Spatial Negeri perlu diterjemahkan dalam penyediaan gambarajah utama dan seterusnya diperincikan melalui penyediaan plan strategik pembangunan mengikut daerah.



Mekanisme Pelaksanaan RFN4

Subseksyen 6B(5) Akta 172 memperuntukkan bahawa adalah menjadi tugas bagi Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri untuk memastikan matlamat RFN tercapai. Maka, adalah menjadi tanggungjawab bagi setiap agensi, sama ada di peringkat persekutuan, negeri dan tempatan dalam memastikan strategi dan tindakan RFN4 dilaksanakan. RFN juga harus dijadikan sebagai panduan oleh semua agensi dan hendaklah selaras dengan perancangan spatial dalam permohonan cadangan program dan projek bagi Rancangan Malaysia Lima Tahun (RMLT) seperti yang telah diputuskan oleh MPFN (MPFN Bil.4/2005).

Pelaksanaan RFN4 melibatkan pelbagai agensi pelaksana yang bertanggungjawab berdasarkan kumpulan kerja RFN mengikut teras pembangunan.

Kumpulan Kerja RFN


Dalam pelaksanaan strategi dan tindakan RFN, usaha sama antara agensi adalah penting supaya matlamat pembangunan RFN dapat dicapai. Agensi-agensi pelaksana harus mengambil tindakan yang proaktif dengan menterjemahkan tindakan-tindakan RFN ke dalam bentuk pelan tindakan, program dan projek yang lebih khusus untuk dilaksanakan. Ini termasuk inisiatif-inisiatif utama RFN4 yang merupakan sebahagian daripada tindakan RFN yang penting untuk dilaksanakan.

Untuk tujuan kolaborasi yang lebih berkesan antara agensi semasa melaksanakan RFN4 ini, maka adalah penting supaya Kumpulan Kerja RFN yang efektif dibentuk bagi memastikan tindakan-tindakan RFN sentiasa diambil perhatian, dilaksanakan dipantau dan diselaraskan dari masa ke semasa.

Kumpulan Kerja RFN akan dibentuk mengikut tiga (3) Teras Pembangunan RFN4, di mana akan menjadi sebagai platform untuk:

- Menyelaras pelaksanaan strategi dan tindakan RFN antara agensi-agensi pelaksana yang berkaitan;
- Mengenal pasti isu perancangan, pembangunan dan cabaran semasa melaksanakan strategi dan tindakan RFN.
- Bertanggungjawab menyediakan Laporan Penilaian Pelaksanaan Pencapaian RFN dan pelaporan kepada MPFN.

Setiap kumpulan kerja akan **dipengerusikan oleh Ketua Pengarah PLANMalaysia** dan ahlinya terdiri daripada agensi-agensi pelaksana utama bagi setiap teras tersebut serta diurusetikan oleh Bahagian Rancangan Fizikal Negara (BRFN). Kumpulan Kerja RFN akan bersidang sekurang-kurangnya **dua (2) tahun sekali** untuk penilaian pelaksanaan strategi dan tindakan yang digariskan.



Jadual 8-1 menunjukkan keahlian Kumpulan Kerja RFN mengikut Teras Pembangunan RFN4 yang melibatkan pelbagai Kementerian, termasuk jabatan dan agensi yang berada di bawah Kementerian tersebut. Walau bagaimanapun, keahlian dalam setiap Kumpulan Kerja RFN boleh berubah mengikut keperluan apabila pemantauan terhadap strategi dan tindakan RFN dijalankan.

Jadual 8-1: Keahlian Kumpulan Kerja RFN mengikut Teras Pembangunan RFN4

Kumpulan Kerja RFN	Agensi	
TERAS 1 Pertumbuhan Dinamik dan Seimbang	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan	KPKT
	Kementerian Pertahanan	MINDEF
	Kementerian Pembangunan Luar Bandar	KPLB
	Kementerian Pertanian dan Industri Makanan	MAFI
	Kementerian Pengangkutan Malaysia	MOT
	Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi	MOSTI
	Kementerian Tenaga dan Sumber Asli	KeTSA
	Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia	KKMM
	Kementerian Kerja Raya	KKR
	Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya	MOTAC
	Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri	MITI
	Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi	MEDAC
	Kementerian Pengajian Tinggi	KPT
	Kementerian Sumber Manusia	MOHR
	Kementerian Dalam Negeri	KDN
	Kementerian Luar Negeri	KLN
	Pihak Berkuasa Pembangunan Wilayah Iskandar	IRDA
	Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur	ECERDC
	Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara	NCIA
	Unit/ Bahagian Perancang Ekonomi Negeri	UPEN/BPEN
Pihak Berkuasa Tempatan	PBT	
TERAS 2 Kemampanan Spatial dan Daya Tahan Perubahan Iklim	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan	KPKT
	Kementerian Pengangkutan Malaysia	MOT
	Kementerian Tenaga dan Sumber Asli	KeTSA
	Kementerian Alam Sekitar dan Air	KASA
	Kementerian Pertanian dan Industri Makanan	MAFI
	Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi	MPIC
	Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi	MOSTI
	Kementerian Kerja Raya	KKR
	Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia	MOTAC
	Kementerian Luar Negeri	KLN
	Kementerian Kesihatan Malaysia	KKM
	Kementerian Pembangunan Luar Bandar	KPLB
	TERAS 3 Persekitaran Berdaya Huni dan Komuniti Inklusif	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Kementerian Pembangunan Luar Bandar	KPLB	
Kementerian Pendidikan Malaysia	MOE	
Kementerian Pengajian Tinggi	MOHE	
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat	KPWKM	
Kementerian Pengangkutan	MOT	
Kementerian Sumber Manusia	MOHR	

Agensi Pelaksana Mengikut Strategi dan Tindakan RFN4

RFN4 telah mengenal pasti tanggungjawab agensi-agensi pelaksana mengikut strategi dan tindakan RFN. Dalam pelaksanaan strategi dan tindakan RFN, usaha sama antara agensi adalah penting supaya matlamat pembangunan RFN dapat dicapai.

Jadual 8-2: Agensi pelaksana utama mengikut Teras Pembangunan RFN4

TERAS 1 : PERTUMBUHAN DINAMIK DAN SEIMBANG		KPKT	MINDEF	KPLB	MAFI	MOT	MOSTI	KeTSA	KKMM	KKR	MOTAC	MITI	MEDAC	KPT	MOHR	KDN	KLN	IRDA	ECERDC	NCIA	UPEN/BP EN	PBT
Tindakan	Agensi Pelaksana																					
PD 1 : Pengukuhan Kedudukan Strategik Negara di Peringkat Global																						
PD 1.1 : Memperkukuh Kerjasama Serantau dalam Perancangan Fizikal dan Pembangunan Ekonomi																						
PD 1.1A	Mempergiat hubungan strategik Malaysia di peringkat ASEAN dan antarabangsa					•						•					•	•	•	•		
PD 1.2 : Memperkukuh Perancangan Keselamatan Negara																						
PD 1.2A	Memastikan keselamatan infrastruktur strategik negara	•	•													•						
PD 1.2B	Meningkatkan keselamatan sempadan negara		•													•						
PD 2 : Pertumbuhan Ekonomi Mampan dan Berdaya Saing																						
PD 2.1 : Memperkukuh Perancangan Keselamatan Negara																						
PD 2.1A	Memperkukuh peranan Konurbasi, Zon Promosi Pembangunan (ZPP) dan Pusat Katalis	•																				
PD 2.1B	Memperkukuh fungsi bandar mengikut hierarki petempatan	•																				•
PD 2.1C	Meningkatkan tahap daya saing bandar di peringkat global secara bersepadu	•																				•
PD 2.2 : Mempergiatkan Aktiviti Ekonomi Digital Sebagai Asas Pertumbuhan Ekonomi																						
PD 2.2A	Menggalakkan pasaran e-dagang dalam sektor perkhidmatan khususnya sektor peruncitan								•			•										
PD 2.2B	Menggalakkan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) Berasaskan Pengetahuan (K-SME) dan Pendigitalan								•				•									
PD 2.3 : Mengaplikasi Teknologi Industri Terkini Sebagai Tunjang Pertumbuhan Ekonomi																						
PD 2.3A	Menggalakkan pembangunan kluster pembuatan berteknologi tinggi dan inovatif						•					•										
PD 2.3B	Mengutamakan perancangan dan pengurusan taman perindustrian yang bersepadu						•															
PD 2.4 : Mempelbagaikan Produk dan Liputan Sektor Pelancongan Sebagai Salah Satu Penggerak Utama Ekonomi Negara																						
PD 2.4A	Memperkukuh destinasi pelancongan semula jadi utama negara											•										
PD 2.4B	Memastikan kedadatangan pelancong di destinasi utama pelancongan berdasarkan <i>carrying capacity</i> yang ditetapkan											•										•
PD 2.4C	Memperkukuh identiti bandar-bandar dan kawasan tarikan pelancong melalui penjenamaan semula potensi aktiviti-aktiviti pelancongan	•										•										•
PD 2.4D	Mengintegrasikan tourism routes and trails bagi mempromosi produk-produk pelancongan utama negara											•										
PD 2.4E	Memperkukuh pembangunan produk-produk <i>niche tourism</i> di seluruh negara											•		•								
PD 2.5 : Memastikan Penyediaan Infrastruktur dan Kemudahan Pelancongan Berkualiti Tinggi																						
PD 2.5A	Memastikan tempat dan kemudahan penginapan yang pelbagai disediakan secukupnya											•										•
PD 2.5B	Mempertingkatkan tahap kemudahsampaian ke destinasi pelancongan utama					•						•										•
PD 2.5C	Membangunkan pusat informasi pelancongan yang interaktif serta dapat diakses secara maya											•										•
PD 2.6 : Memanfaatkan Sumber Tempatan Luar Bandar																						
PD 2.6A	Mempelbagaikan ekonomi luar bandar berdasarkan potensi setempat			•	•																	
PD 2.6B	Menjadikan Pusat Agropolitan sebagai nod pertumbuhan luar bandar			•	•																	

●●● Sambungan

TERAS 1 : PERTUMBUHAN DINAMIK DAN SEIMBANG

Tindakan	Agensi Pelaksana	KPKT	MINDEF	KPLB	MAFI	MOT	MOSTI	KeTSA	KKMM	KKR	MOTAC	MITI	MEDAC	KPT	MOHR	KDN	KLN	IRDA	ECERDC	NCIA	UPEN/BPE N	PBT
PD 3 : Rangkaian Hubungan Pengangkutan Strategik dan Bersepadu																						
PD 3.1 : Mengukuhkan Rangkaian dan Perhubungan Pengangkutan Jalan Raya																						
PD 3.1A	Memastikan ketersambungan jalan raya antara wilayah secara menyeluruh dan berkualiti					•				•												
PD 3.1B	Memastikan cadangan hierarki jalan raya yang sesuai					•				•												•
PD 3.1C	Menambah baik akses jalan raya di kawasan luar bandar			•		•				•												
PD 3.1D	Memastikan jalan raya ditambah baik dan diselenggara mengikut jadual									•												•
PD 3.1E	Meningkatkan penggunaan teknologi pintar dalam pengurusan trafik					•				•												
PD 3.2 : Memastikan Sistem Rangkaian Rel sebagai Tunjang Utama Pengangkutan																						
PD 3.2A	Meningkatkan ketersambungan rel antara bandar, wilayah dan pintu masuk (<i>gateway</i>) utama negara					•				•												
PD 3.2B	Meningkatkan penggunaan teknologi moden dalam sistem perkhidmatan rel					•	•			•												
PD 3.3 : Mengukuhkan Perkhidmatan Pengangkutan Awam untuk Mencapai Sasaran Modal Split																						
PD 3.3A	Meningkatkan integrasi dan memperluaskan jaringan rel dalam bandar					•				•												
PD 3.3B	Memastikan sokongan ' <i>first and last mile</i> ' bagi mengintegrasikan pengangkutan awam					•				•												•
PD 3.3C	Meningkatkan perkhidmatan bas bagi bandar-bandar utama					•																•
PD 3.3D	Penggunaan teknologi moden dalam melancarkan perjalanan pengangkutan awam					•				•												
PD 3.4 : Mengukuhkan Perhubungan Udara di Peringkat Global, Serantau dan Tempatan																						
PD 3.4A	Menetapkan peranan lapangan terbang mengikut kepentingan sosioekonomi sesebuah kawasan					•																
PD 3.4B	Mempelbagaikan mod pengangkutan darat bersepadu ke lapangan terbang					•				•												
PD 3.4C	Mengukuhkan perkhidmatan pengangkutan udara ke kawasan-kawasan pelancongan yang sensitif alam sekitar dan kawasan-kawasan yang sukar dikunjungi untuk tujuan kecemasan					•																
PD 3.4D	Mempertingkatkan kemudahan dan infrastruktur lapangan terbang sedia ada					•																
PD 3.5 : Mempertingkatkan Perkhidmatan Pengangkutan Air																						
PD 3.5A	Memperkuh infrastruktur perkhidmatan feri					•																•
PD 3.5B	Memperkuh infrastruktur perkhidmatan teksi air					•																•
PD 3.5C	Meningkatkan infrastruktur bagi perkhidmatan kapal persiaran					•																•
PD 3.6 : Memperkuh Industri Logistik																						
PD 3.6A	Menetapkan hierarki dan peranan pelabuhan laut sebagai gerbang maritim negara					•																
PD 3.6B	Mempertingkatkan peranan lapangan terbang sebagai hab logistik					•																
PD 3.6C	Meningkatkan integrasi pelbagai mod pengangkutan dari kawasan industri ke pusat logistik (pelabuhan laut dan darat)					•																
PD 3.6D	Melaksanakan konsep ICT (<i>intercept, consolidate, transfer</i>) dalam memperkuhkan industri logistik	•																				•
PD 4 : Peningkatan Infrastruktur Digital dan Pintar																						
PD 4.1 : Memastikan Pembangunan Infrastruktur Digital Yang Menuju Ke Arah <i>Smart Nation</i>																						
PD4.1A	Mempercepat penyediaan infrastruktur digital yang menyeluruh dan berkapasiti tinggi			•					•													

●●● Sambungan

TERAS 1 : PERTUMBUHAN DINAMIK DAN SEIMBANG

Tindakan	Agensi Pelaksana	Agensi Pelaksana																				
		KPKT	MINDEF	KPLB	MAFI	MOT	MOSTI	KeTSA	KKMM	KKR	MOTAC	MITI	MEDAC	KPT	MOHR	KDN	KLN	IRDA	EGERDC	NCIA	UPEN/BP EN	PBT
PD 4 : Peningkatan Infrastruktur Digital dan Pintar																						
PD 4.2 : Memastikan Pelaksanaan Agenda Bandar Pintar yang Komprehensif																						
PD 4.2A	Memperkuatkan perancangan bandar pintar yang menyeluruh di peringkat negeri, wilayah dan tempatan berpandukan kepada rangka kerja bandar pintar Malaysia	•						•														•
PD 4.2B	Menyediakan standard berkaitan bandar pintar bagi memandu pembangunan bandar pintar yang bersepadu dan bertaraf dunia	•																				
PD 4.2C	Memberi keutamaan kepada kerjasama awam-swasta (<i>public private partnership</i>) dalam pembangunan bandar pintar																					•

TERAS 2 : KEMAMPANAN SPATIAL DAN DAYA TAHAN PERUBAHAN IKLIM

Tindakan	Agensi Pelaksana	Agensi Pelaksana																				
		KPKT	MOT	KeTSA	KASA	MAFI	MPIC	MOSTI	KKR	MOTAC	KLN	KKM	KPLB	Pihak B. Negeri dan PBT								
KD 1 : Perancangan Guna Tanah Holistik																						
KD 1.1 : Merancang Pembangunan Tanah secara Optimum																						
KD 1.1A	Mengutamakan aktiviti pembangunan bercampur (<i>mixed-use development</i>) dan pembangunan pelbagai kegunaan (<i>multi-use development</i>) di kawasan tepu bina																					•
KD 1.1B	Mengutamakan pembangunan berorientasikan transit (TOD) di kawasan Konurbasi, Bandar Global dan Bandar Wilayah.			•																		•
KD 1.1C	Menggunakan ruang udara dan bawah tanah untuk pembangunan yang bersesuaian			•		•																•
KD1.1D	Memanfaatkan tanah wakaf dalam perancangan pembangunan di peringkat negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan																					•
KD 1.1E	Menggalakkan pembangunan atas Tanah Rizab Melayu (TRM)							•														•
KD 1.2 : Mengutamakan Pembaharuan Semula Bandar di Kawasan Sedia Ada																						
KD 1.2A	Pembangunan pembaharuan semula bandar di kawasan bersesuaian																					•
KD 1.2B	Menjalankan kajian semula terhadap perundangan semasa untuk membolehkan persetujuan secara <i>en-bloc</i> bagi pembangunan semula bandar							•														
KD 1.3 : Memastikan Kawasan Tumpuan Pembangunan Dibangunkan Secara Mampan																						
KD 1.3A	Memastikan kawasan pertumbuhan di dalam Konurbasi dan Zon Promosi Pembangunan (ZPP) dibangunkan secara mampan																					•
KD 1.3B	Menjalankan kajian keperluan indeks pembangunan bagi menilai kawasan bandar yang telah mencapai tahap tepu			•																		
KD 1.4 : Melaksanakan Pembangunan Malaysia Urban Observatory (MUO) Sebagai Pusat Data Raya Perbandaran dan Platform Bandar Pintar Negara																						
KD 1.4A	Membangunkan sistem MUO menjadi pusat data raya perbandaran dan platform bandar pintar negara			•																		
KD 1.4B	Menubuhkan Pusat Operasi MUO di PLANMalaysia bagi mengurus dan membangunkan MUO sebagai pusat kawalan dan pengurusan data di peringkat Nasional			•																		
KD 1.4C	Melaksana perkongsian strategik antara agensi kerajaan, swasta, badan profesional, IPT dan organisasi berasaskan komuniti			•																		
KD 1.5 : Melaksana Mitigasi untuk Mengurangkan Risiko Bencana Semula Jadi dan Perubahan Iklim																						
KD 1.5A	Meningkatkan daya tahan dan kesiapsiagaan terhadap bencana semula jadi serta ancaman perubahan iklim																					•
KD 1.5B	Meminimakan impak bencana banjir terhadap kawasan petempatan dan perbandaran yang berada dalam kawasan lembangan banjir																					•
KD 1.5C	Melaksana pelan perancangan dan pembangunan guna tanah persisiran pantai yang komprehensif																					•
KD1.5D	Memastikan pengurusan sumber air yang lestari bagi mengurangkan impak risiko bencana kemarau																					•
KD 1.5E	Mengawal selia aktiviti-aktiviti pembangunan di kawasan berisiko tanah runtuh																					•
KD 1.5F	Mengelak risiko kebakaran hutan dan tanah gambut melalui perancangan guna tanah																					•
KD1.5G	Melaksanakan perancangan dan pengurusan kawasan berisiko gempa bumi yang bersepadu oleh komuniti dan pemegang taruh																					•
KD 2 : Pengurusan Mampan Sumber Asli, Sumber Makanan dan Sumber Warisan																						
KD 2.1 : Memelihara dan Memulihara Aset Ekologi Negara																						
KD 2.1A	Meningkatkan litupan hutan untuk mencapai sasaran sehingga 50% di Semenanjung Malaysia																					•
KD 2.1B	Mengekalkan ketersambungan landskap hutan melalui pemeliharaan rangkaian ekologi																					•
KD 2.1C	Mempergiat pelaksanaan strategi REDD Plus kebangsaan									•	•											
KD2.1D	Mewujudkan rangkaian kawasan perlindungan marin yang diurus secara mampan dan bersepadu																					•
KD 2.1E	Menggalakkan pengurusan sumber asli bersama masyarakat setempat																					•

●●● Sambungan

TERAS 2 : KEMAMPAHAN SPATIAL DAN DAYA TAHAN PERUBAHAN IKLIM

Tindakan	Agensi Pelaksana	KPKT	MOT	KeTSA	KASA	MAFI	MPIC	MOSTI	KKR	MOTAC	KLN	KKM	KPLB	PBN dan PBT
KD 2.2 : Mengurus dan Mengawal Selia Pembangunan di Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS)														
KD 2.2A	Memperkuhkan rangka kerja KSAS sebagai asas kawal selia pembangunan													•
KD 2.2B	Menetapkan zon penampungan di luar sempadan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) Tahap 1													•
KD 2.2C	Memperkenalkan konsep "no nett loss of biodiversity" sebagai penggantian kehilangan biodiversiti bagi projek pembangunan													•
KD2.2D	Mengawal selia aktiviti penambakan dan tebus guna tanah di kawasan persisiran pantai													•
KD 2.3 : Menjamin Kelestarian Sumber Air Berterusan														
KD 2.3A	Melaksanakan perancangan dan pembangunan di lembangan sungai berasaskan pendekatan Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu				•									•
KD 2.3B	Mengawal beban pencemaran dan memulihkan kualiti air sungai				•									•
KD 2.3C	Mengaplikasikan konsep "Sponge City" untuk pengurusan air perbandaran													•
KD2.3D	Membangunkan sumber air tanah yang mampan			•										
KD 2.3E	Memperkasa pengurusan sumber air													•
KD 2.3F	Melaksanakan penggunaan semula air	•												•
KD2.3G	Mempertingkatkan sistem rawatan air kumbahan													•
KD2.3H	Meminimalkan penggunaan air terawat													•
KD 2.4 : Mengurus Sumber dan Kepelbagaian Geologi														
KD 2.4A	Mengenal pasti, mengiktiraf dan mengurus tapak berkepentingan geologi			•										•
KD 2.4B	Membangunkan industri perlombongan mineral dan pengkuarian secara mampan			•										
KD 2.5 : Menjamin Sekuriti Makanan Negara														
KD 2.5A	Mengekalkan kawasan sumber makanan negara			•	•									
KD 2.5B	Meningkatkan tahap sara diri (beras)			•	•									
KD 2.5C	Meningkatkan tahap sara diri makanan (selain beras)					•								•
KD2.5D	Menggunakan teknologi terkini bagi meningkatkan produktiviti hasil pertanian					•		•						
KD 2.6 : Memperkuhkan Pemeliharaan, Pemuliharaan dan Perlindungan Tapak Warisan Kebudayaan dan Semula Jadi Negara														
KD 2.6A	Melindungi tapak warisan kebudayaan dan tapak warisan semula jadi melalui mekanisme perundangan									•				•
KD 2.7 : Memastikan Pemeliharaan dan Perlindungan Warisan Kebudayaan Dalam Proses Perancangan Fizikal dan Kawalan Pembangunan														
KD 2.7A	Menyediakan pemetaan budaya untuk memulihara integriti, keaslian dan nilai warisan setempat													•
KD 2.7B	Meningkatkan pemuliharaan kebudayaan dan kesenian untuk generasi akan datang									•				
KD 3 : Pembangunan Ke Arah Negara Neutral Karbon														
KD 3.1 : Memperluas Pelaksanaan Rangka Kerja Bandar Rendah Karbon														
KD 3.1A	Memastikan setiap negeri menyediakan pelan tindakan pembangunan bandar rendah karbon				•									•
KD 3.1B	Memperluas pelaksanaan pelan tindakan bandar rendah karbon di semua PBT													•
KD 3.1C	Membangunkan mobiliti rendah karbon		•	•	•									•
KD3.1D	Memastikan penggunaan ciri-ciri amalan bangunan hijau dan bandar rendah karbon dalam pembangunan													•
KD 3.1E	Membangunkan <i>roadmap</i> ke arah negara neutral karbon				•									
KD 3.2 : Meningkatkan Pengurusan Sumber Tenaga Alternatif yang Mampan														
KD 3.2A	Memperkasa penjanaan tenaga solar				•									•
KD 3.2B	Meningkatkan pembangunan Tenaga Boleh Baharu (TBB) bagi tenaga biogas dan biojisim				•									•
KD 3.2C	Membangunkan jana kuasa hidro kecil untuk kawasan pedalaman													•
KD 3.3 : Memperkuhkan Pengurusan Sisa yang Cekap dan Mampan														
KD 3.3A	Mewujudkan kemudahan pengurusan sisa pepejal yang selari dengan keperluan sosial dan rendah karbon													•
KD 3.3B	Memulihkan nilai sisa pepejal dan sisa buangan terjadual untuk melestarikan alam sekitar	•												


●●● Sambungan

TERAS 3: PERSEKITARAN BERDAYA HUNI DAN KOMUNITI INKLUSIF

Tindakan	Agensi Pelaksana	KPKT	MOT	KPLB	MOE	MOHE	KPWKM	MOHR	Pihak B. Negeri dan PBT
KI 1 : Perancangan Penyediaan Perumahan untuk Semua Masyarakat									
KI 1.1: Memastikan Penawaran Perumahan yang Bersesuaian Mengikut Keperluan									
KI 1.1A	Memastikan penawaran perumahan mampu milik seiring dengan permintaan	•							
KI 1.1B	Meningkatkan kualiti perumahan dan kejiranan melalui pembangunan yang lebih terancang		•	•					
KI 1.1C	Menyediakan persekitaran perumahan yang dapat memenuhi keperluan warga emas						•		
KI 1.2 : Mengawal Perancangan Penyediaan Perumahan yang Sistematis									
KI 1.2A	Memperluaskan penubuhan Lembaga Perumahan di setiap negeri untuk mengendalikan pembangunan perumahan secara lebih khusus								•
KI 1.2B	Merancang dan menyediakan perumahan yang bersesuaian di lokasi tumpuan utama	•							
KI 2 : Pembentukan Masyarakat Berpendidikan yang Berdaya Saing Secara Menyeluruh									
KI 2.1 : Menyediakan Kemudahan Pendidikan Asas kepada setiap Lapisan Masyarakat di Seluruh Negara									
KI 2.1A	Memastikan setiap institusi pendidikan asas mempunyai kebolehcapaian fizikal dan maya (<i>virtual</i>) yang menyeluruh				•				
KI 2.1B	Merancang penyediaan tapak sekolah pendidikan khas untuk golongan OKU di kawasan yang memerlukan				•				
KI 2.2 : Memperkasakan Masyarakat Mahir dan Berpendidikan Khas Menerusi Institusi Pendidikan yang Bersepadu									
KI 2.2A	Membangunkan institusi pendidikan di lokasi yang dapat memberikan manfaat pembelajaran serta mewujudkan rantaian ekonomi setempat				•				
KI 2.2B	Menggalakkan amalan pembelajaran sepanjang hayat bagi meningkatkan kemahiran dan kompetensi tenaga kerja					•		•	
KI 3 : Persekitaran yang Kondusif dan Berdaya Huni									
KI 3.1 : Mempertingkatkan Pelaksanaan Konsep Kejiranan Komuniti Menerusi Penyediaan Ruang dan Kemudahan untuk Kegunaan Bersama									
KI 3.1A	Mewujudkan ruang interaksi komuniti untuk kegunaan awam	•							
KI 3.1B	Menyediakan rangkaian pejalan kaki dan basikal yang menyeluruh untuk kemudahan komuniti	•							
KI 3.2 : Membangunkan Kemudahan Masyarakat secara Bersepadu dan Kondusif									
KI 3.2A	Memastikan penyediaan kemudahan masyarakat secara bersepadu mengikut keperluan komuniti setempat di lokasi yang mudah akses						•		
KI 3.2B	Menyediakan kawasan perkuburan secara bersepadu di lokasi yang strategik	•							
KI 3.2C	Menerapkan prinsip reka bentuk sejagat dalam penyediaan kemudahan masyarakat	•							
KI 3.3 : Mengarusperdanakan Gaya Hidup Bersih, Sihat dan Selamat dalam Perancangan dan Pembangunan									
KI 3.3A	Menggalakkan amalan hijau dalam komuniti	•							
KI 3.3B	Memperbanyakkan kawasan hijau dan meningkatkan fungsinya untuk dimanfaatkan sebagai ruang interaksi sosial	•							
KI 3.3C	Memastikan persekitaran komuniti yang selamat	•							
KI 4 : Perancangan dan Pembangunan Mesra Komuniti									
KI 4.1 : Menerapkan Kolaborasi dan Perkongsian Strategik dalam Pembangunan									
KI 4.1A	Memperkasakan peranan dan penglibatan orang awam	•							
KI 4.1B	Menggalakkan kerjasama strategik dengan pihak berkepentingan	•							

Pelaksanaan RFN4

Bagi memastikan RFN4 dapat dilaksanakan dengan berkesan, strategi dan tindakan dicerakinkan kepada tiga peringkat pelaksanaan. Pembahagian ini dapat memastikan pelaksanaan RFN4 dapat diselaraskan dengan agenda perancangan global serta nasional seperti SDGs, NUA, RMKe-12, WKB dan rujukan dalam penyediaan RMK seterusnya. Penyelarasan ini bagi memastikan proses penilaian dan pemantauan pelaksanaan dapat dilakukan dengan efektif di mana pengadaptasian perancangan dan peruntukan dapat diagih sebaiknya. Tiga peringkat pelaksanaan adalah berpaksikan sasaran RFN4 serta pelaksanaan dasar-dasar semasa yang telah ditetapkan.



PERINGKAT PERTAMA 2021 - 2025	PERINGKAT KEDUA 2026 - 2030	PERINGKAT KETIGA 2031 - 2040
Satu jangka masa bagi sesuatu tindakan dapat dilaksanakan dalam masa terdekat bagi tempoh 5 tahun dan telah diterapkan dlm RMKe-12 sehingga tahun 2025.	Satu jangka masa bagi sesuatu tindakan dapat dilaksanakan dalam tempoh 5 ke 10 tahun dan perlu diambil kira dalam penyediaan RMKe-13 sehingga tahun 2030.	Satu jangka masa bagi sesuatu tindakan dapat dilaksanakan dalam tempoh 10 tahun serta mengambil kira keperluan perancangan semasa sehingga tahun 2040.

CIRI PENETAPAN PERINGKAT PELAKSANAAN RFN4:

Penyelarasan komitmen negara terhadap agenda di peringkat global (SDGs 2030);			
Net zero carbon by 2050 oleh UNFCCC			
Sasaran RMKe-12;			
Matlamat Wawasan Kemakmuran Bersama 2030;			

Pelaksanaan tindakan-tindakan RFN4 adalah dalam tiga peringkat yang ditetapkan ataupun secara berterusan mengikut kesesuaian dan kesediaan agensi pelaksana.

Secara keseluruhannya, 109 tindakan (90.8%) tindakan RFN4 perlu mula dilaksanakan di peringkat pertama. Hal ini disebabkan RFN4 lebih menjurus kepada polisi perancangan yang dapat dimulakan dengan segera. Manakala, 11 tindakan (9.2%) tindakan yang dijangka perlu dilaksanakan di peringkat kedua.

Jadual 8-4 menunjukkan perincian selanjutnya bagi peringkat pelaksanaan strategi dan tindakan setiap teras.

Jadual 8-3: Pelaksanaan Strategi dan Tindakan RFN4

TERAS / HALA TUJU STRATEGIK / STRATEGI dan TINDAKAN RFN4		PERINGKAT PERTAMA 2021 - 2025	PERINGKAT KEDUA 2026 - 2030	PERINGKAT KETIGA 2031 - 2040
TERAS 1 - PERTUMBUHAN DINAMIK DAN SEIMBANG				
PD 1 Pengukuhan Kedudukan Strategik Negara Di Peringkat Global				
PD 1.1	Memperkukuh Kerjasama Serantau dalam Perancangan Fizikal dan Pembangunan Ekonomi			
PD 1.1A	Mempergiat hubungan strategik malaysia di peringkat ASEAN dan antarabangsa	[Progress bar: 100%]		
PD 1.2	Memperkukuh Perancangan Keselamatan Negara			
PD 1.2A	Memastikan keselamatan infrastruktur strategik negara	[Progress bar: 100%]		
PD 1.2B	Meningkatkan keselamatan sempadan negara	[Progress bar: 75%]		
PD 2 Pertumbuhan Ekonomi Mampan dan Berdaya Saing				
PD 2.1	Pertumbuhan Ekonomi Mampan dan Berdaya Saing			
PD 2.1A	Memperkukuh peranan Konurbasi, Zon Promosi Pembangunan (ZPP) dan Pusat Katalis	[Progress bar: 100%]		
PD 2.1B	Memperkukuh fungsi bandar mengikut hierarki petempatan	[Progress bar: 75%]		
PD 2.1C	Meningkatkan tahap daya saing bandar di peringkat global secara bersepadu	[Progress bar: 75%]		
PD 2.2	Mempergiatkan Aktiviti Ekonomi Digital Sebagai Asas Pertumbuhan Ekonomi			
PD 2.2A	Menggalakkan e-dagang dalam sektor perkhidmatan khususnya sektor peruncitan	[Progress bar: 75%]		
PD 2.2B	Menggalakkan PKS berasaskan pengetahuan (K-SME) dan pendigitalan	[Progress bar: 75%]		
PD 2.3	Mengaplikasi Teknologi Industri Terkini Sebagai Tunjang Pertumbuhan Ekonomi			
PD 2.3A	Menggalakkan pembangunan kluster pembuatan berteknologi tinggi dan inovatif	[Progress bar: 75%]		
PD 2.3B	Mengutamakan perancangan dan pengurusan taman perindustrian yang bersepadu	[Progress bar: 75%]		
PD 2.4	Mempelbagaikan Produk dan Liputan Sektor Pelancongan Sebagai Salah Satu Penggerak Utama Ekonomi Negara			
PD 2.4A	Memperkukuh destinasi pelancongan semula jadi utama negara	[Progress bar: 75%]		
PD 2.4B	Memastikan kedatangan pelancong di destinasi utama pelancongan berdasarkan <i>carrying capacity</i> yang ditetapkan	[Progress bar: 50%]		
PD 2.4C	Memperkukuh identiti bandar-bandar dan kawasan tarikan pelancong melalui penjenamaan semula potensi aktiviti-aktiviti pelancongan	[Progress bar: 50%]		
PD 2.4D	Mengintegrasikan <i>tourism routes</i> bagi mempromosi produk-produk pelancongan utama negara	[Progress bar: 75%]		
PD 2.4E	Memperkukuh pembangunan produk-produk <i>niche tourism</i> di seluruh negara	[Progress bar: 75%]		

● ● ● Sambungan

TERAS / HALA TUJU STRATEGIK / STRATEGI dan TINDAKAN RFN4	PERINGKAT PERTAMA 2021 - 2025	PERINGKAT KEDUA 2026 - 2030	PERINGKAT KETIGA 2031 - 2040
---	--	--	---

TERAS 1 - PERTUMBUHAN DINAMIK DAN SEIMBANG

PD 2 Pertumbuhan Ekonomi Mampan dan Berdaya Saing

PD 2.5 Memastikan Penyediaan Infrastruktur dan Kemudahan Pelancongan Berkualiti Tinggi

PD 2.5A	Memastikan tempat dan kemudahan penginapan yang pelbagai disediakan secukupnya			
PD 2.5B	Mempertingkatkan tahap kemudahsampaian ke destinasi pelancongan utama			
PD 2.5C	Membangunkan Pusat Informasi Pelancongan yang interaktif serta dapat diakses secara maya			

PD 2.6 Memanfaatkan Sumber Tempatan Luar Bandar

PD 2.6A	Mempelbagaikan ekonomi luar bandar berdasarkan potensi setempat			
PD 2.6B	Menjadikan Pusat Agropolitan sebagai nod pertumbuhan luar bandar			

PD 3 Rangkaian Hubungan Pengangkutan Strategik dan Bersepadu

PD 3.1 Mengukuhkan Rangkaian dan Perhubungan Pengangkutan Jalan Raya

PD 3.1A	Memastikan ketersambungan jalan raya antara wilayah secara menyeluruh dan berkualiti			
PD 3.1B	Memastikan cadangan hierarki jalan raya yang sesuai			
PD 3.1C	Menambah baik akses jalan raya di kawasan luar bandar			
PD 3.1D	Memastikan jalan raya ditambah baik dan diselenggara mengikut jadual			
PD 3.1E	Meningkatkan penggunaan teknologi pintar dalam pengurusan trafik			

PD 3.2 Memastikan Sistem Rangkaian Rel Sebagai Tunjang Utama Pengangkutan

PD 3.2A	Meningkatkan ketersambungan rel antara Bandar, Wilayah dan pintu masuk (<i>gateway</i>) utama negara			
PD 3.2B	Meningkatkan penggunaan teknologi moden dalam sistem perkhidmatan rel			

PD 3.3 Mengukuhkan Perkhidmatan Pengangkutan Awam untuk Mencapai Sasaran *Modal Split*

PD 3.3A	Meningkatkan integrasi dan memperluaskan jaringan rel dalam bandar			
PD 3.3B	Memastikan sokongan <i>first mile, last mile</i> dalam mengintegrasikan pengangkutan awam			
PD 3.3C	Meningkatkan perkhidmatan bas bagi bandar-bandar utama			
PD 3.3D	Penggunaan Teknologi Moden dalam Melancarkan perjalanan pengangkutan awam			

●●● Sambungan

TERAS / HALA TUJU STRATEGIK / STRATEGI dan TINDAKAN RFN4

PERINGKAT PERTAMA 2021 - 2025

PERINGKAT KEDUA 2026 - 2030

PERINGKAT KETIGA 2031 - 2040

TERAS 1 - PERTUMBUHAN DINAMIK DAN SEIMBANG

PD 3 Rangkaian Hubungan Pengangkutan Strategik dan Bersepadu

PD 3.4 Mengukuhkan Perhubungan Udara di Peringkat Global, Serantau dan Tempatan

PD 3.4A Mempertingkatkan peranan lapangan terbang mengikut kepentingan sosioekonomi sesebuah kawasan

PD 3.4B Mempelbagaikan mod pengangkutan darat bersepadu ke lapangan terbang

PD 3.4C Mengukuhkan perkhidmatan pengangkutan udara ke kawasan-kawasan pelancongan yang sensitif alam sekitar dan kawasan-kawasan yang sukar dikunjungi untuk tujuan kecemasan

PD 3.4D Mempertingkatkan kemudahan dan infrastruktur lapangan terbang sedia ada

PD 3.5 Mempertingkatkan Perkhidmatan Pengangkutan Air

PD 3.5A Memperkukuh infrastruktur perkhidmatan feri

PD 3.5B Memperkukuh infrastruktur perkhidmatan teksi air

PD 3.5C Memperkukuh infrastruktur perkhidmatan kapal persiaran

PD 3.6 Mengukuhkan Industri Logistik

PD 3.6A Menetapkan hierarki dan peranan pelabuhan laut sebagai gerbang maritim negara

PD 3.6B Mempertingkatkan peranan lapangan terbang sebagai hab logistik

PD 3.6C Meningkatkan integrasi pelbagai mod pengangkutan dari kawasan industri ke pusat logistik (pelabuhan laut dan darat)

PD 3.6D Melaksanakan konsep *intercept, consolidate, transfer* (ICT) dalam memperkukuh industri logistik

● ● ● Sambungan

TERAS / HALA TUJU STRATEGIK / STRATEGI dan TINDAKAN RFN4

**PERINGKAT PERTAMA
2021 - 2025**

**PERINGKAT KEDUA
2026 - 2030**

**PERINGKAT KETIGA
2031 - 2040**

TERAS 1 - PERTUMBUHAN DINAMIK DAN SEIMBANG

PD 4 Peningkatan Infrastruktur Digital dan Pintar


PD 4.1 Memastikan Pembangunan Infrastruktur Digital yang Menuju Ke Arah *Smart Nation*

PD 4.1A Mempercepat penyediaan infrastruktur digital yang menyeluruh dan berkapasiti tinggi




PD 4.2 Memastikan Pelaksanaan Agenda Bandar Pintar yang Komprehensif


PD 4.2A Memperkukuh perancangan bandar pintar yang menyeluruh di peringkat negeri, wilayah dan tempatan berpandukan kepada Rangka Kerja Bandar Pintar Malaysia



PD 4.2B Menyediakan standard berkaitan bandar pintar bagi memandu pembangunan bandar pintar yang bersepadu dan bertaraf dunia



PD 4.2C Memberi keutamaan kepada kerjasama awam-swasta (*public private partnership*) dalam pembangunan bandar pintar



TERAS 2 : KEMAMPUAN SPATIAL DAN DAYA TAHAN PERUBAHAN IKLIM

KD 1 Perancangan Guna Tanah Holistik

KD 1.1 Merancang Penggunaan Tanah Secara Optimum


KD 1.1A Mengutamakan aktiviti pembangunan bercampur (*mixed-use development*) dan pembangunan pelbagai kegunaan (*multi-use development*) di kawasan tepu bina



KD 1.1B Mengutamakan Pembangunan Berorientasikan Transit (TOD) di kawasan Konurbasi, Bandar Global dan Bandar Wilayah



KD 1.1C Menggunakan ruang udara dan bawah tanah untuk pembangunan yang bersesuaian



KD 1.1D Memanfaatkan tanah wakaf dalam perancangan pembangunan di peringkat negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan



KD 1.1E Menggalakkan pembangunan atas Tanah Rizab Melayu (TRM)



●●● Sambungan

TERAS / HALA TUJU STRATEGIK / STRATEGI dan TINDAKAN RFN4

PERINGKAT PERTAMA 2021 - 2025

PERINGKAT KEDUA 2026 - 2030

PERINGKAT KETIGA 2031 - 2040

TERAS 2 : KEMAMPAKAN SPATIAL DAN DAYA TAHAN PERUBAHAN IKLIM

KD 1 Perancangan Guna Tanah Holistik

KD 1.2	Mengutamakan Pembaharuan Semula Bandar di Kawasan Sedia Ada	
KD 1.2A	Pembangunan pembaharuan semula bandar di kawasan bersesuaian	
KD 1.2B	Menjalankan kajian semula terhadap perundangan semasa untuk membolehkan persetujuan secara <i>en-bloc</i> bagi pembangunan semula bandar	
KD 1.3	Memastikan Kawasan Tumpuan Pembangunan Dibangunkan Secara Mampan	
KD 1.3A	Memastikan kawasan pertumbuhan di dalam Konurbasi dan Zon Promosi Pembangunan (ZPP) dibangunkan secara mampan	
KD 1.3B	Menjalankan Kajian Keperluan Indeks Pembangunan bagi menilai Kawasan Bandar yang telah mencapai tahap tepu	
KD 1.4	Melaksanakan Pembangunan Malaysia Urban Observatory (MUO) Sebagai Pusat Data Raya Perbandaran dan Platform Bandar Pintar Negara	
KD 1.4A	Membangunkan sistem MUO menjadi pusat data raya perbandaran dan platform bandar pintar negara	
KD 1.4B	Menubuhkan Pusat Operasi MUO di PLANMalaysia bagi mengurus dan membangunkan MUO sebagai pusat kawalan dan pengurusan data di peringkat Nasional	
KD 1.4C	Melaksana perkongsian strategik antara agensi kerajaan, swasta, badan profesional, IPT dan organisasi berasaskan komuniti	
KD 1.5	Melaksana Mitigasi untuk Mengurangkan Risiko Bencana Semula Jadi dan Perubahan Iklim	
KD 1.5A	Meningkatkan daya tahan dan kesiapsiagaan terhadap bencana semula jadi serta ancaman perubahan iklim	
KD 1.5B	Meminimakan impak bencana banjir terhadap kawasan petempatan dan perbandaran yang berada dalam kawasan lembangan banjir	
KD 1.5C	Melaksana pelan perancangan dan pembangunan guna tanah persisiran pantai yang komprehensif	

● ● ● Sambungan

TERAS / HALA TUJU STRATEGIK / STRATEGI dan TINDAKAN RFN4

**PERINGKAT PERTAMA
2021 - 2025**

**PERINGKAT KEDUA
2026 - 2030**

**PERINGKAT KETIGA
2031 - 2040**

TERAS 2 : KEMAMPAKAN SPATIAL DAN DAYA TAHAN PERUBAHAN IKLIM

KD 1 Perancangan Guna Tanah Holistik

KD 1.5 Mengurus Kawasan Berisiko Bencana Semula Jadi dan Perubahan Iklim

KD 1.5D Memastikan pengurusan sumber air yang lestari bagi mengurangkan impak risiko bencana kemarau

KD 1.5E Mengawal selia aktiviti-aktiviti pembangunan di kawasan berisiko tanah runtuh

KD 1.5F Mengelak risiko kebakaran hutan dan tanah gambut melalui perancangan guna tanah

KD 1.5G Melaksanakan perancangan dan pengurusan kawasan berisiko gempa bumi yang bersepadu oleh komuniti dan pemegang taruh

KD 2 : Pengurusan Mampan Sumber Asli, Sumber Makanan dan Sumber Warisan

KD 2.1 Memelihara dan Memulihara Aset Ekologi Negara

KD2.1A Meningkatkan litupan hutan untuk mencapai sasaran sehingga 50% di Semenanjung Malaysia

KD 2.1B Mengekalkan ketersambungan landskap hutan melalui pemeliharaan rangkaian ekologi

KD 2.1C Mempergiat pelaksanaan strategi REDD Plus Kebangsaan

KD 2.1D Mewujudkan rangkaian kawasan perlindungan marin yang diurus secara mampan dan bersepadu

KD 2.1E Menggalakkan pengurusan sumber asli bersama masyarakat setempat

KD 2.2 Mengurus dan Mengawal Selia Pembangunan di Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS)

KD 2.2A Memperkukuh rangka kerja KSAS sebagai asas kawal selia pembangunan

KD 2.2B Menetapkan zon penampakan di luar sempadan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) Tahap 1

KD 2.2C Memperkenalkan konsep "No Nett Loss of Biodiversity" sebagai penggantian kehilangan biodiversiti bagi projek pembangunan

KD 2.2D Mengawal selia aktiviti penambakan dan tebus guna tanah di kawasan persisiran pantai

●●● Sambungan

TERAS / HALA TUJU STRATEGIK / STRATEGI dan TINDAKAN RFN4

PERINGKAT PERTAMA 2021 - 2025

PERINGKAT KEDUA 2026 - 2030

PERINGKAT KETIGA 2031 - 2040

TERAS 2 : KEMAMPAKAN SPATIAL DAN DAYA TAHAN PERUBAHAN IKLIM

KD 2 : Pengurusan Mampan Sumber Asli, Sumber Makanan dan Sumber Warisan

KD 2.3 Menjamin Kelestarian Sumber Air Berterusan	
KD 2.3A	Melaksanakan perancangan dan pembangunan di lembangan sungai berasaskan pendekatan Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu
KD 2.3B	Mengawal beban pencemaran dan memulihkan kualiti air sungai
KD 2.3C	Mengaplikasikan konsep "Sponge City" dalam pengurusan air perbandaran
KD 2.3D	Membangunkan sumber air bawah tanah yang mampan
KD 2.3E	Memperkasa pengurusan sumber air
KD 2.3F	Melaksanakan penggunaan semula air
KD 2.3G	Mempertingkatkan sistem rawatan air kumbahan
KD 2.3H	Meminimalkan penggunaan air terawat
KD 2.4 Mengurus Sumber dan Kepelbagaian Geologi	
KD 2.4A	Mengenal pasti, mengiktiraf dan mengurus tapak berkepentingan geologi
KD 2.4B	Membangunkan industri perlombongan mineral dan pengkuarian secara mampan
KD 2.5 Menjamin Sekuriti Makanan Negara	
KD 2.5A	Mengekalkan kawasan sumber makanan negara
KD 2.5B	Meningkatkan tahap sara diri (beras)
KD 2.5C	Meningkatkan tahap sara diri makanan (selain beras)
KD 2.5D	Menggunakan teknologi terkini bagi meningkatkan produktiviti hasil pertanian
KD 2.6 Memperkukuh Pemeliharaan, Pemuliharaan dan Perlindungan Tapak Warisan Kebudayaan dan Semula Jadi Negara	
KD 2.6A	Melindungi tapak warisan kebudayaan dan tapak warisan semula jadi melalui mekanisme perundangan
KD 2.7 Memastikan Pemeliharaan dan Perlindungan Warisan Kebudayaan Dalam Proses Perancangan Fizikal dan Kawalan Pembangunan	
KD 2.7A	Menyediakan pemetaan budaya untuk memulihara integriti, keaslian dan nilai warisan setempat
KD 2.7B	Meningkatkan pemuliharaan kebudayaan dan kesenian untuk generasi akan datang

● ● ● Sambungan

TERAS / HALA TUJU STRATEGIK / STRATEGI dan TINDAKAN RFN4

**PERINGKAT PERTAMA
2021 - 2025**






**PERINGKAT KEDUA
2026 - 2030**

**PERINGKAT KETIGA
2031 - 2040**

TERAS 2 : KEMAMPAKAN SPATIAL DAN DAYA TAHAN PERUBAHAN IKLIM

KD 3 Pembangunan Ke Arah Negara Neutral Karbon

KD 3.1 Memperluas Pelaksanaan Rangka Kerja Bandar Rendah Karbon

KD 3.1A	Memastikan setiap negeri menyediakan pelan tindakan pembangunan bandar rendah karbon	
KD 3.1B	Memperluas pelaksanaan pelan tindakan bandar rendah karbon di semua PBT	
KD3.1C	Membangunkan mobiliti rendah karbon	
KD 3.1D	Memastikan penggunaan ciri-ciri amalan bangunan hijau dan bandar rendah karbon dalam pembangunan	
KD 3.1E	Membangunkan roadmap ke arah negara neutral karbon	

KD 3.2 Meningkatkan Penggunaan Sumber Tenaga Alternatif yang Mampan

KD 3.2A	Memperkasa penjanaan tenaga solar	
KD 3.2B	Meningkatkan pembangunan Tenaga Boleh Baharu (TBB) bagi tenaga biogas dan biojisim	
KD 3.2C	Membangunkan jana kuasa hidro kecil untuk kawasan pedalaman	

KD 3.3 Memperkukuh Pengurusan Sisa yang Cepak dan Mampan

KD 3.3A	Mewujudkan kemudahan pengurusan sisa pepejal yang selari dengan keperluan sosial dan rendah karbon	
KD 3.3B	Memulihkan nilai sisa pepejal dan sisa buangan terjadual untuk melestarikan alam sekitar	

●●● Sambungan

TERAS / HALA TUJU STRATEGIK / STRATEGI dan TINDAKAN RFN4	PERINGKAT PERTAMA 2021 - 2025	PERINGKAT KEDUA 2026 - 2030	PERINGKAT KETIGA 2031 - 2040
--	----------------------------------	--------------------------------	---------------------------------

TERAS 3 : KOMUNITI INKLUSIF DAN BERDAYA HUNI

KI 1 : Perancangan Penyediaan Perumahan untuk Semua Masyarakat

KI 1.1 Memastikan Penawaran Perumahan yang Bersesuaian Mengikut Keperluan

KI 1.1A	Memastikan penawaran perumahan mampu milik seiring dengan permintaan	<div style="width: 100%; height: 15px; background-color: #f5deb3;"></div>
KI 1.1B	Meningkatkan kualiti perumahan dan kejiranan melalui pembangunan yang lebih terancang	<div style="width: 80%; height: 15px; background-color: #f5deb3;"></div> <div style="width: 20%; height: 15px; background-color: #f5deb3; border: 1px dashed #ccc;"></div>
KI 1.1C	Menyediakan persekitaran perumahan yang dapat memenuhi keperluan warga emas	<div style="width: 80%; height: 15px; background-color: #f5deb3;"></div> <div style="width: 20%; height: 15px; background-color: #f5deb3; border: 1px dashed #ccc;"></div>

KI 1.2 Mengawal Perancangan Penyediaan Perumahan yang Sistemik

KI 1.2A	Memperluaskan penubuhan lembaga perumahan di setiap negeri untuk mengendalikan pembangunan perumahan secara lebih khusus	<div style="width: 30%; height: 15px; background-color: #f5deb3;"></div>
KI 1.2B	Merancang dan menyediakan perumahan yang bersesuaian di lokasi tumpuan utama	<div style="width: 80%; height: 15px; background-color: #f5deb3;"></div> <div style="width: 20%; height: 15px; background-color: #f5deb3; border: 1px dashed #ccc;"></div>

KI 2 : Masyarakat Berpendidikan yang Berdaya Saing

KI 2.1 Menyediakan Kemudahan Pendidikan Asas kepada setiap Lapisan Masyarakat di Seluruh Negara

KI 2.1A	Memastikan setiap institusi pendidikan asas mempunyai kebolehcapaian fizikal dan maya (virtual) yang menyeluruh	<div style="width: 80%; height: 15px; background-color: #f5deb3;"></div> <div style="width: 20%; height: 15px; background-color: #f5deb3; border: 1px dashed #ccc;"></div>
KI 2.1B	Merancang penyediaan tapak sekolah pendidikan khas untuk golongan OKU di kawasan yang memerlukan	<div style="width: 80%; height: 15px; background-color: #f5deb3;"></div> <div style="width: 20%; height: 15px; background-color: #f5deb3; border: 1px dashed #ccc;"></div>

KI 2.2 Memperkasakan Masyarakat Mahir dan Berpendidikan Tinggi Menerusi Institusi Pendidikan yang Bersepadu

KI 2.2A	Membangunkan institusi pendidikan di lokasi yang dapat memberikan manfaat pembelajaran serta mewujudkan rantaian ekonomi setempat	<div style="width: 50%; height: 15px; background-color: #add8e6;"></div>
KI 2.2B	Menggalakkan amalan pembelajaran sepanjang hayat bagi meningkatkan kemahiran dan kompetensi tenaga kerja	<div style="width: 80%; height: 15px; background-color: #f5deb3;"></div> <div style="width: 20%; height: 15px; background-color: #f5deb3; border: 1px dashed #ccc;"></div>

● ● ● Sambungan

**TERAS / HALA TUJU STRATEGIK /
STRATEGI dan TINDAKAN RFN4**










**PERINGKAT
PERTAMA
2021 - 2025**

**PERINGKAT
KEDUA
2026 - 2030**

**PERINGKAT
KETIGA
2031 - 2040**

TERAS 3 : KOMUNITI INKLUSIF DAN BERDAYA HUNI

KI 3 : Persekitaran Kehidupan yang Kondusif dan Berdaya Huni

KI 3.1	Mempergiat Pelaksanaan Konsep Kejiranan Komuniti Menerusi Penyediaan Ruang dan Kemudahan untuk Kegunaan Bersama	
KI 3.1A	Mewujudkan ruang interaksi komuniti untuk kegunaan awam	
KI 3.1B	Menyediakan rangkaian pejalan kaki dan basikal yang menyeluruh untuk kemudahan komuniti	
KI 3.2	Membangunkan Kemudahan Masyarakat secara Bersepadu dan Kondusif	
KI 3.2A	Memastikan penyediaan kemudahan masyarakat secara bersepadu mengikut keperluan komuniti setempat di lokasi yang mudah akses	
KI 3.2B	Menyediakan kawasan perkuburan secara bersepadu di lokasi yang strategik	
KI 3.2C	Menerapkan prinsip reka bentuk sejagat dalam penyediaan kemudahan masyarakat	
KI 3.3	Mengurusperda-nakan Gaya Hidup Bersih, Sihat dan Selamat dalam Perancangan dan Pembangunan	
KI 3.3A	Menggalakkan amalan hijau dalam komuniti	
KI 3.3B	Memperbanyakkan kawasan hijau dan meningkatkan fungsinya untuk dimanfaatkan sebagai ruang interaksi sosial	
KI 3.3C	Memastikan persekitaran komuniti yang selamat	
KI 4 : Penglibatan Komuniti Dalam Pembangunan		
KI 4	Menerapkan Kolaborasi dan Perkongsian Strategik dalam Pembangunan	
KI 4.1	Memperkasakan peranan dan penglibatan orang awam	
KI 4.2	Menggalakkan kerjasama strategik dengan pihak berkepentingan	

Inisiatif Strategi RFN4

RFN merupakan dokumen perancangan pembangunan fizikal untuk jangka masa panjang di mana pelaksanaannya akan mengambil masa dan memerlukan usaha sama daripada pelbagai pihak pelaksana. Selain daripada strategi dan tindakan RFN4, beberapa inisiatif strategik dan berkepentingan nasional juga disasarkan supaya dilaksanakan **dalam tempoh lima (5) tahun RFN4 ini, iaitu 2021–2025**, termasuk juga beberapa inisiatif yang disasarkan menjangkau tahun 2025.

Status pelaksanaan inisiatif-inisiatif tersebut akan menjadi sebahagian daripada penilaian tahap pelaksanaan RFN yang akan dipantau sepanjang tempoh pelaksanaan RFN.

Jadual 8-4: Inisiatif Strategi bagi RFN4

Hala Tuju Strategik	Inisiatif Strategi RFN4
Teras 1 : Pertumbuhan Dinamik dan Seimbang	
PD 1 : Pengukuhan Kedudukan Strategik Negara di Peringkat Global	- Kajian garis panduan perancangan keselamatan infrastruktur strategik negara
PD 2 : Pertumbuhan Ekonomi Mampan dan Berdaya Saing	Penubuhan JPW dan penyediaan Rancangan Wilayah (RW) bagi: <ul style="list-style-type: none"> - Konurbasi Nasional¹ - Konurbasi Utara² Penyediaan pelan induk bandar daya saing bagi bandar-bandar utama
PD 3 : Rangkaian Hubungan Pengangkutan Strategik dan Bersepadu	<ul style="list-style-type: none"> - Pembinaan Lebuh Raya Pantai Timur 3 (LPT3) (Terengganu - Kelantan) - Sambungan dari Lebuh Raya Pantai Timur 4 (LPT4) bagi menghubungkan Pahang ke Johor - Tambah baik laluan FT4 (Tanah Merah, Kelantan – Kupang, Kedah) - Sambungan dari Lebuh Raya <i>Central Spine Road</i> (CSR) di Simpang Pelangai, Pahang ke Ulu Tiram, Johor melalui <i>Southern Central Road</i> (SCR) - Pembinaan Lebuh Raya <i>West Coast Expressway</i> ke Selatan (Johor) dan utara (Perlis) melalui <i>Northern Corridor Highway</i> (NCH) - Pembinaan Jambatan Labuan - Sabah. - Pembentukan pusat pangkalan data pengangkutan peringkat nasional
PD 4 : Peningkatan Infrastruktur Digital dan Pintar	<ul style="list-style-type: none"> - Pembinaan Laluan Kereta Api Elektrik (Gemas - Johor Bahru) - Pembinaan MRT Fasa 2 (Laluan Putrajaya) - Pembinaan Laluan Rel Pantai Timur (ECRL1 Kota Bharu – Pelabuhan Klang) - Pelaksanaan Pelan Gentian Optik Kesalinghubungan Negara (NFCP) - Pelaksanaan Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) - Penyediaan standard Bandar Pintar
Teras 2 : Kemampunan Spatial dan Daya Tahan Perubahan Iklim	
KD 1 : Perancangan Guna Tanah Holistik	<ul style="list-style-type: none"> - Kajian mekanisme pelaksanaan pembangunan pelbagai kegunaan - Kajian terhadap kaedah penggunaan ruang udara bagi hak milik tanah yang berbeza - Kajian semula aspek perundangan untuk keperluan bagi membolehkan pajakan/sewaan dan pembangunan Tanah Rizab Melayu lebih dinamik - Insentif bagi pemaju dan pemilik tanah bagi tapak yang akan dibangunkan semula - Kajian pelaksanaan secara <i>en-bloc</i> untuk pembangunan semula bandar
	<ul style="list-style-type: none"> - Kajian keperluan indeks pembangunan - Pembangunan sistem <i>Malaysia Urban Observatory</i> (MUO) - Kajian penilaian risiko dan kerapuhan (<i>risk dan vulnerability assessment</i>) bagi projek pembangunan di kawasan berisiko bencana - Penubuhan pusat latihan pengurusan bencana

Nota 1. Merujuk kepada cadangan JPW bagi kawasan persempadanan antara Kuala Lumpur Selangor, Putrajaya dan N. Sembilan
 2. Merujuk kepada cadangan JPW bagi negeri-negeri di utara Semenanjung Malaysia

Teras 2 : Kemampanan Spatial dan Daya Tahan Perubahan Iklim

KD 1 : Perancangan Guna Tanah Holistik

- Penyediaan pusat pemindahan mangsa bencana (tetap dan sementara)
- Kajian perancangan guna tanah dan kebolehlaksanaan bagi pembangunan "Sponge City"
- Kajian tahap pengurangan beban pencemaran (*pollution load*) di lembangan sungai yang mengalami pengurangan aliran sungai semasa musim kemarau
- Kajian keperluan untuk melaksanakan projek penyaluran air mentah antara lembangan di dalam negeri atau negeri-negeri lain
- Penyediaan Rancangan Pengurusan Bersepadu Hutan Paya Gambut.

KD 2 : Pengurusan Mampan Sumber Asli, Sumber Makanan dan Sumber Warisan

- Pewartaan habitat daratan terancam selain HSK, khususnya hutan paya bakau dan hutan paya gambut berstatus Tanah Kerajaan
- Pelaksanaan Perintah Pemeliharaan Pokok (TPO) mengikut peruntukan Bahagian VA, Akta 172
- Pelaksanaan insentif fiskal bagi pemeliharaan kawasan sumber jaya alam semula jadi dan sekuriti makanan negara.
- Pewartaan kawasan hutan Tanah Kerajaan sedia ada sebagai HSK Kelas Perlindungan.
- Penyediaan Rancangan Kawasan Khas (RKK) untuk kawasan rangkaian ekologi yang terancam.
- Pelaksanaan Kerangka Kewangan REDD Plus (*REDD Plus Finance Framework, RFF*)
- Kajian semula polisi dan Akta berkaitan bagi menyokong pelaksanaan Kerangka Kewangan REDD Plus
- Pewartaan kawasan perlindungan marin
- Penubuhan kawasan perlindungan marin merentasi sempadan
- Pelaksanaan *Indigenous and Local Community Conserved Areas (ILCA)*
- Kajian semula Garis Panduan Perancangan Pemuliharaan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) berdasarkan rangka kerja KSAS dalam RFN4
- Kajian untuk mengenal pasti dan menilai zon penampakan di sempadan KSAS Tahap 1
- Penyediaan garis panduan pelaksanaan penggantian biodiversiti

KD 2 : Pengurusan Mampan Sumber Asli, Sumber Makanan dan Sumber Warisan

- Pelaksanan kajian seperti berikut bagi perancangan aktiviti penambakan dan tebus guna tanah:
 - *Social and Environmental Cost Benefit Analysis (SCBA)*
 - Risiko perubahan iklim, termasuk kenaikan aras laut bagi tempoh yang tidak kurang 100 tahun
 - Kesesuaian reka bentuk dengan bentuk persisiran pantai yang sedia ada
 - Kegunaan bahan tebus guna yang tidak mencemarkan dan memberi impak negatif kepada alam sekeliling
 - Kesyediaan laluan kepada penduduk tempatan ke kawasan persisiran pantai (kecuali bagi kawasan yang terlarang)
- Penubuhan Jawatankuasa Pelaksanaan IRBM di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri
- Kajian Pelan Tindakan Pembangunan Bersepadu Guna Tanah di Lembangan Sungai
- Pewartaan kawasan tadahan empangan sedia ada dan yang dicadangkan
- Pewartaan rizab sungai sebagai zon perlindungan
- Kajian Jumlah Bebanan Harian Maksimum (*Total Maximum Daily Load, TMDL*)
- Pembangunan pangkalan data yang mengandungi peta hidrogeologi dan maklumat air bawah tanah
- Penubuhan zon perlindungan air bawah tanah (*groundwater protection zone*)
- Dasar, perundangan dan garis panduan berhubung *trade effluent* dan air daripada sisa kumbahan
- Kajian Pelan Pengurusan Spatial Air Negara
- Pembinaan Loji Rawatan Kumbahan berskala Wilayah (*Regional Sewerage Treatment Plant, RSTP*)
- Kajian semula kadar tarif air

- Pewartaan geopark berpotensi dan Tapak Warisan Dunia UNESCO sebagai Warisan Kebangsaan
- Kajian keperluan penubuhan suatu badan yang mengawal selia pembangunan sumber mineral negara

Teras 2 : Kemampanan Spatial dan Daya Tahan Perubahan Iklim

	<ul style="list-style-type: none"> - Pewartaan kawasan jelapang padi - Kajian perancangan guna tanah kawasan sumber makanan negara - Penubuhan pusat penyelidikan bagi meningkatkan pengurusan dan penanaman padi dengan universiti tempatan sedia ada - Pewartaan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) sedia ada - Kajian penghasilan kepelbagaian benih ikan - Kajian pembangunan Zon Ekonomi Agro NCER (<i>NCER Agro Economic Zone - NAEZ</i>) - Penyediaan mekanisme Insentif Fiskal bagi pemeliharaan sumber jaya alam semula jadi dan sekuriti makanan negara. <ul style="list-style-type: none"> - Dana warisan negeri dan tempatan <p>Penubuhan JPW dan penyediaan RW bagi:</p> <ul style="list-style-type: none"> - lembangan sungai merentasi sempadan Selangor, Kuala Lumpur, Putrajaya dan Negeri Sembilan¹ - lembangan sungai merentasi sempadan antara Kedah, Pulau Pinang dan Perak² - lembangan sungai merentasi sempadan antara Perak dan Selangor - kawasan tanah tinggi antara Daerah Bentong-Raub-Hulu Selangor - kawasan ekologi semula jadi antara Pahang dan Johor
<p>KD 3 : Pembangunan Ke Arah Negara Neutral Karbon</p>	<ul style="list-style-type: none"> - Kajian insentif kewangan berasaskan prestasi pengurangan pelepasan karbon - Pelan tindakan bandar rendah karbon di semua PBT - Garis Panduan Perancangan Bandar Rendah Karbon - Kajian kemungkinan dan pelan tindakan (<i>roadmap</i>) ke arah negara neutral karbon - Kajian kebolehlaksanaan janaan tenaga biogas dan biojisim - Kajian potensi penjanaan tenaga hidro kecil di sungai-sungai di Malaysia - Penyediaan Loji <i>Waste-to-Energy</i> (WtE)

Teras 3 : Persekitaran Berdaya Huni dan Komuniti Inklusif

<p>KI 1 : Perancangan Penyediaan Perumahan untuk Semua Masyarakat</p>	<ul style="list-style-type: none"> - Pembentukan enakmen dan penubuhan lembaga perumahan di setiap negeri - Kajian kesesuaian mekanisme struktur pelaksanaan Lembaga Perumahan Negeri - Kajian bagi perancangan pembangunan '<i>retirement village</i>'
<p>KI 2 : Pembentukan Masyarakat Berpendidikan yang Berdaya Saing Secara Menyeluruh</p>	<p>Kajian bagi garis panduan penyediaan sekolah pendidikan khas dan OKU</p>
<p>KI 3 : Persekitaran yang Kondusif dan Berdaya Huni</p>	<ul style="list-style-type: none"> - Penyediaan pelan induk perkuburan Nasional. - Menyediakan indeks daya huni (<i>liveability index</i>).
<p>KI 4 : Perancangan dan Pembangunan Mesra Komuniti</p>	<ul style="list-style-type: none"> - Kajian penyediaan pusat komuniti bersepadu

RFN4 juga telah menetapkan **empat (4) inisiatif strategik yang utama** dan memerlukan pemerhatian dalam pelaksanaan RFN ini. Ini kerana inisiatif-inisiatif tersebut mempunyai hubung kait yang kuat dengan beberapa hala tuju strategik dan strategi RFN yang akan memberi impak tinggi terutamanya terhadap kemampuan spatial negara seperti berikut;

1. Perlindungan Kawasan Sumber Jaya Alam Semula Jadi dan Jaminan Sekuriti Makanan Negara
2. Pemberian Insentif Fiskal Bagi Pemeliharaan Kawasan Sumber Jaya Alam Semula Jadi dan Jaminan Sekuriti Makanan Negara;
3. Penubuhan Jawatankuasa Perancang Wilayah Baharu untuk Penyelarasan Guna Tanah Antara Negeri; dan
4. Menjadikan Kawasan Perairan Negeri sebagai Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan.

INISIATIF STRATEGIK UTAMA	STRATEGI RFN BERKAITAN
<p>1</p> <p>Perlindungan Kawasan Sumber Jaya Alam Semula Jadi dan Jaminan Sekuriti Makanan Negara</p>	<ul style="list-style-type: none"> • KD 2.1 : Memelihara dan Memulihara Aset Ekologi Negara • KD 2.2 : Mengurus dan Mengawal Selia Pembangunan di KSAS • KD 2.3 : Menjamin Kelestarian Sumber Air Berterusan • KD 2.4 : Mengurus Sumber dan Kepelbagaian Geologi • KD 2.5 : Menjamin Sekuriti Makanan Negara • KD 2.6 : Memperkukuh Pemuliharaan, Pemeliharaan dan Perlindungan Tapak Warisan Kebudayaan dan Semula Jadi Negara
<p>2</p> <p>Pemberian Insentif Fiskal Bagi Pemeliharaan Kawasan Sumber Jaya Alam Semula Jadi dan Jaminan Sekuriti Makanan Negara</p>	<ul style="list-style-type: none"> • KD 2.1 : Memelihara dan Memulihara Aset Ekologi Negara • KD 2.5 : Menjamin Sekuriti Makanan Negara • KD 2.7 : Memastikan Pemeliharaan dan Perlindungan Warisan Kebudayaan dalam Proses Perancangan Fizikal dan Kawalan Pembangunan
<p>3</p> <p>Penubuhan Jawatankuasa Perancang Wilayah Baharu Untuk Penyelarasan Guna Tanah Antara Negeri</p>	<ul style="list-style-type: none"> • PD 2.1 : Memperkukuh Fungsi Kawasan Pertumbuhan • KD 1.1 : Merancang Penggunaan Tanah Secara Optimum • KD 2.1 : Memelihara dan Memulihara Aset Ekologi Negara • KD 2.2 : Mengurus dan Mengawalselia Pembangunan di Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) • KD 2.3 : Menjamin Kelestarian Sumber Air Berterusan
<p>4</p> <p>Menjadikan Kawasan Perairan Negeri sebagai Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan</p>	<ul style="list-style-type: none"> • KD 2.1 : Memelihara dan Memulihara Aset Ekologi Negara • KD 2.2 : Mengurus dan Mengawal Selia Pembangunan di KSAS • KD 2.6 : Memperkukuh Pemuliharaan, Pemeliharaan dan Perlindungan Tapak Warisan Kebudayaan dan Semula Jadi Negara

Perlindungan Kawasan Sumber Jaya Alam Semula Jadi dan Jaminan Sekuriti Makanan Negara

Kawasan sumber jaya alam semula jadi dan jaminan sekuriti makanan negara merupakan sumber jaya negara yang penting terhadap kekayaan biodiversiti, nilai sokongan hidup, kualiti alam sekitar, fungsi terhadap risiko bencana yang perlu dilindungi. RFN4 telah mengenai pasti kawasan-kawasan tersebut sebagai kawasan sensitif alam sekitar (KSAS) dalam Hala Tuju Strategik KD2: Pengurusan Mampan Sumber Asli, Sumber Makanan dan Sumber Warisan.

KSAS merupakan kawasan yang sangat sensitif terhadap sebarang bentuk perubahan kepada ekosistemnya akibat proses alam semula jadi atau aktiviti pembangunan. Memandangkan kepentingan KSAS, maka sebarang aktiviti di dalam KSAS hendaklah dirancang, diurus dan dikawal selia dengan baik dan komprehensif.



Perlindungan KSAS merupakan aspek perancangan fizikal yang penting dengan agenda untuk mencapai pembangunan yang mampan dengan pengukuhan rangka kerja KSAS menerusi pengelasan dan perincian aktiviti setiap tahap KSAS.

Dalam usaha perlindungan KSAS, pematuhan kepada keperluan undang-undang serta dasar-dasar perancangan berkaitan oleh setiap pihak juga adalah penting dan harus sentiasa ditekankan.



Mengikut RFN4, KSAS yang dikenal pasti adalah dibahagikan kepada tiga (3) dan melibatkan kawasan-kawasan seperti berikut, iaitu:

TAHAP 1: Kawasan penting yang telah diwartakan

- Kawasan perlindungan daratan dan marin yang telah diwartakan;
- Kawasan tadahan empangan sedia ada dan cadangan baharu;
- Kawasan melebihi kontur 1,000 meter;
- Zon ladang hutan di dalam Hutan Simpanan Kekal, HSK (Kelas Pengeluaran).

TAHAP 2: Kawasan yang masih belum diwartakan tetapi dikenal pasti sebagai habitat penting

- Kawasan berkepentingan biodiversiti tetapi tidak diwartakan sebagai kawasan perlindungan;
- Semua hutan dan tanah bench di luar kawasan perlindungan;
- HSK (Kelas Pengeluaran);
- Koridor ekologi daratan yang diiktiraf seperti rangkaian ekologi *central forest spine*;
- Kawasan tanah gambut, tanah lembut, lubang benam dan bekas lombong bawah tanah;
- Pulau-pulau dan taman laut;
- Kawasan antara kontur 300 meter hingga 1,000 meter;
- Koridor Ekologi Marin yang diiktiraf seperti *Ecologically and Biologically Sensitive Marine Areas* (EBSA) dan *Important Marine Mammals Area* (IMMA);
- Kawasan rizab sungai.

TAHAP 3: Kawasan Penggunaan Mampan

- Kawasan tadahan takat pengambilan air dan zon imbuan air bawah tanah untuk kegunaan telaga;
- Kawasan antara kontur 150 meter hingga 300 meter;
- Kawasan persisiran pantai;
- Kawasan penting untuk sekuriti makanan (seperti jelapang padi, Taman Kekal Pengeluaran Makanan, Zon Industri Akuakultur).


RFN4 telah mengenal pasti kriteria pengurusan bagi setiap jenis KSAS di mana harus diperincikan pada peringkat perancangan yang seterusnya.

KSAS harus dilindungi melalui sistem perancangan dan kawal selia pembangunan. Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri memainkan peranan yang penting dalam perkara ini terutamanya melalui MPFN dan JPN dengan fungsi dan kuasa yang diperuntukkan di bawah Akta 172.

Dalam perancangan pembangunan, RFN4 telah mengenal pasti KSAS yang berkepentingan negara. Manakala kawasan yang lebih spesifik harus ditentukan di dalam RS dan ditetapkan di dalam RT pada peringkat Negeri dan tempatan.

Kelulusan pemajuan yang melibatkan KSAS adalah tertakluk sepenuhnya kepada rangka kerja KSAS yang telah ditetapkan mengikut tahap KSAS. MPFN, JPN dan PBPT pula bertanggungjawab dalam proses kawal selia pembangunan yang melibatkan puncak bukit, lereng bukit dan KSAS yang ditetapkan dalam RS dan RT bagi memastikan sebarang pemajuan tidak memberi ancaman yang ketara terhadap KSAS.

Selain daripada sistem perancangan dan kawal selia pembangunan, Akta Persekutuan dan Enakmen Negeri yang berkaitan dengan kawasan perlindungan hendaklah diguna pakai sebagai instrumen perundangan bagi melindungi KSAS.



Pemberian Insentif Fiskal Bagi Pemeliharaan Kawasan Sumber Jaya Alam Semula Jadi dan Jaminan Sekuriti Makanan Negara

Pembangunan yang pesat di Malaysia telah memberi tekanan terhadap pembukaan kawasan baharu untuk pembangunan yang biasanya melibatkan kawasan sumber jaya alam semula jadi dan sensitif alam sekitar seperti kawasan berhutan, kawasan sumber air, kawasan jaminan sekuriti makanan negara dan sebagainya. Pembukaan kawasan baharu yang melibatkan kawasan sensitif alam sekitar ini akan memberi kesan terhadap perkhidmatan ekosistem kepada manusia seperti sumber air, sumber makanan dan penyerapan karbon.

Komitmen Kerajaan Negeri bagi mengekalkan tanah yang luas untuk pengekalan kawasan berhutan, sumber air dan kawasan pertanian makanan adalah sangat penting dan perlu diberi perhatian. Cadangan mekanisme bagi pemberian insentif fiskal ini merupakan langkah bagi menyokong negeri-negeri yang mengambil tindakan bagi melindungi kawasan-kawasan perlindungan tersebut untuk kepentingan bersama bagi mencapai sebuah negara yang mampan dan berdaya tahan.

Cadangan pemberian insentif fiskal ini telah diluluskan dalam Mesyuarat MPFN Ke-31 yang bersidang pada 18 April 2019. MPFN bersetuju dengan pelaksanaan pemberian insentif fiskal ini kepada negeri-negeri yang mengekalkan kawasan berhutan, kawasan bertanam padi dan taman kekal pengeluaran makanan (TKPM) yang luas di peringkat negeri.

MPFN juga memutuskan supaya mekanisme terperinci, formula dan kaedah pemberian insentif fiskal ini dibincang dan diperhalusi oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dengan diterajui oleh:

- Kementerian yang bertanggungjawab bagi sumber asli; dan
- Kementerian yang bertanggungjawab bagi pertanian.
- Kementerian yang bertanggungjawab bagi peruntukan insentif fiskal.

MPFN juga memutuskan bahawa pelaksanaan dan perincian mengenai cadangan ini diangkat ke Majlis Kewangan Negara untuk persetujuan.

Cadangan pemberian fiskal adalah kepada Kerajaan Negeri yang telah mengambil usaha melindungi kawasan-kawasan perlindungan yang sedia ada atau memperluaskan kawasan perlindungan yang baharu.



JENIS KAWASAN PERLINDUNGAN



1. Kawasan Sumber Jaya Alam Semula Jadi

- Kawasan Hutan Simpan Kekal
- Kawasan Taman Negara
- Kawasan Taman Negeri
- Kawasan Taman Laut
- Kawasan Perlindungan Hidupan Liar
- Kawasan Warisan Semula Jadi
- Kawasan Tadahan Air
- Kawasan sumber jaya alam semula jadi yang lain (termasuk paya bakau, tanah gambut dan sebagainya)

2. Kawasan Jaminan Sekuriti Makanan Negara

- Kawasan jelapang padi
- Kawasan pertanian makanan lain yang penting

Pemberian insentif fiskal untuk tujuan pemeliharaan kawasan sumber jaya alam semula jadi dan tanaman makanan seperti ini telah diamalkan di beberapa luar negara. Antara mekanisme yang dilaksanakan adalah *Ecological Fiscal Transfers* (EFT) dan *Payments for Ecosystem Services* (PES).

EFT merupakan suatu mekanisme pemindahan fiskal antara peringkat kerajaan yang berlainan (contohnya, antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri) dalam mengagihkan pendapatan kerajaan sebagai pelaburan dalam memelihara kawasan perlindungan. Pengagihan pendapatan tersebut diintegrasikan dengan perkhidmatan ekologi dan mengikut keutamaan berdasarkan indeks pemeliharaan seperti kepentingan kawasan perlindungan, luas kawasan dan kualiti kawasan perlindungan.

PES pula merupakan mekanisme di mana “penerima” perkhidmatan ekologi membuat bayaran kepada “pembekal” perkhidmatan tersebut. Konsepnya adalah bahawa pihak yang memelihara atau mengekalkan kawasan perlindungan (pembekal) harus dibayar oleh pihak yang mengguna atau mendapatkan manfaat daripadanya (penerima). Selain daripada penentuan dan pemberian insentif fiskal bagi kawasan perlindungan, kerja pemantauan dan pengauditan secara berkala harus dijalankan bagi memastikan kawasan-kawasan tersebut sentiasa dipelihara dan dikedalkan.

Ecological Fiscal Transfers (EFT)

EFT telah dilaksanakan di Brazil, Portugal dan India. Mekanisme ini bermula di Brazil yang diaplikasikan pada peringkat subnasional dan kini merangkumi hampir separuh luas kawasan negara tersebut.

Di Portugal dan India pula, EFT diaplikasikan di peringkat negara yang melibatkan seluruh kawasan negara tersebut. Di India, EFT diagihkan berdasarkan luas kawasan liputan hutan yang dikenal pasti dari masa ke semasa. Manakala di Portugal, EFT diagihkan mengikut luas kawasan yang dilindungi.

Sumber: www.un-redd.org

Payments for Ecosystem Services (PES)

PES telah dilaksanakan di Costa Rica, Ecuador, Jepun, Colombia, Amerika Syarikat dan China. Manakala di China, mekanisme ini juga berkaitan dan dikenali sebagai *Eco-Compensation*. PES di China melibatkan pemberian insentif bagi melindungi sumber jaya alam semula jadi dari segi ekosistem, lembangan sungai, eksploitasi sumber dan pampasan untuk wilayah yang berlainan. Kini, lebih daripada 26 juta hektar tanah terlibat dalam PES yang telah dilaksanakan melalui pelbagai skim dan program. Antaranya seperti *Conversion of Cropland to Forest Program* dan *Xin'an River Eco-compensation Scheme*.

Sumber: www.development.asia

CADANGAN KRITERIA PENENTUAN

Insentif Fiskal Bagi Pemeliharaan Sumber Jaya Alam Semula Jadi dan Jaminan Sekuriti Makanan Negara

Jenis dan Keluasan Kawasan Perlindungan

- Jenis kawasan perlindungan
- Luas kawasan perlindungan

Kepentingan Kawasan Perlindungan

- Kepentingan negara, negeri atau tempatan
- Kepentingan biodiversiti, sokongan hidup, lain-lain

Kualiti Kawasan Perlindungan

- Kualiti kawasan sumber jaya alam semula jadi (seperti kepelbagaian biologi, liputan hutan, kualiti air)
- Produktiviti hasil pertanian

Instrumen Perundangan Yang Diaplikasikan

- Akta Perhutanan Negara 1984 [Akta 313]
- Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 [Akta 716]
- Akta Taman Negara 1980 [Akta 226]
- Akta Perikanan 1985 [Akta 317]
- Akta Warisan Kebangsaan 2005 [Akta 645]
- Akta Kawasan Pengairan 1953 [Akta 386]
- Enakmen bagi perlindungan flora dan fauna (seperti taman negara/ negeri)
- Enakmen bagi perlindungan sumber air (seperti sungai, badan air, lain-lain)
- Kanun Tanah Negara 1965 [Akta 828]
- Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172]

STRATEGI RFN BERKAITAN

- KD 2.1 : Memelihara dan Memulihara Aset Ekologi Negara
- KD 2.5 : Menjamin Sekuriti Makanan Negara
- KD 2.7 : Memastikan Pemeliharaan dan Perlindungan Warisan Kebudayaan dalam Proses Perancangan Fizikal dan Kawalan Pembangunan

Penubuhan Jawatankuasa Perancang Wilayah Baharu Untuk Penyelarasan Guna Tanah Antara Negeri

Jawatankuasa Perancang Wilayah (JPW) ditubuhkan oleh MPFN bagi sesuatu kawasan yang melibatkan dua (2) negeri atau lebih. JPW ditubuhkan untuk kawasan yang mempunyai isu-isu perancangan merentasi sempadan negeri yang perlu diselaraskan. Ini terutamanya bagi kawasan yang memerlukan tindakan dan inisiatif berkaitan dengan:

1. Pengurusan lembangan sungai dan penyediaan bekalan air mampan;
2. Pengurusan tanah tinggi dan ekologi alam semula jadi; dan
3. Pengurusan pembangunan bandar bersempadan termasuk penyediaan infrastruktur dan kemudahan secara bersepadu bagi wilayah itu.

Sehingga kini, tiga (3) JPW telah ditubuhkan di bawah subseksyen 6A(1) Akta 172, iaitu:

- 1 JPW Bagi Kawasan Persempadanan Antara Negeri Sembilan, Melaka dan Johor (NSMJ)**
 - ditubuhkan pada tahun 2013 dengan No. Warta 10592 (2013)
 - meliputi kawasan lembangan Sg. Linggi, Sg. Melaka, Sg. Kesang dan Sg. Muar
 - melibatkan keseluruhan Negeri Melaka serta beberapa Daerah di Negeri Sembilan dan Johor
- 2 JPW Bagi Kawasan Tanah Tinggi Cameron Highlands-Kinta-Lojing (CEKAL)**
 - ditubuhkan pada tahun 2019 dengan No. Warta 11654 (2019)
 - meliputi kawasan tanah tinggi di antara Negeri Pahang, Perak dan Kelantan
- 3 JPW Bagi Kawasan Persempadanan Antara Daerah Pekan-Kuantan-Kemaman-Dungun-Jerantut (PAKADJ)**
 - ditubuhkan pada tahun 2020 dengan No. Warta P.U.(B) 182/2021
 - meliputi beberapa daerah di Negeri Pahang dan Terengganu

Selain daripada JPW yang telah ditubuhkan di atas, lima (5) JPW baharu dicadangkan bagi kawasan merentasi sempadan negeri di mana ia melibatkan isu-isu perancangan strategik dan perlu diselaraskan antara negeri-negeri yang berkaitan, iaitu:-

CADANGAN JPW BAHARU	NEGERI BERKAITAN
i. Kawasan Persempadanan Antara Kuala Lumpur, Selangor, Putrajaya dan Negeri Sembilan <ul style="list-style-type: none"> - Kawasan lembangan Sg. Klang dan Sg. Langat - Kawasan konurbasi nasional 	Selangor W.P. Kuala Lumpur W.P. Putrajaya Negeri Sembilan
ii. Negeri-negeri di Utara Semenanjung Malaysia <ul style="list-style-type: none"> - Kawasan lembangan Sg. Muda, Sg. Perai, Sg. Jawi dan Sg. Kerian - Kawasan Konurbasi Utara 	Pulau Pinang Kedah Perak Perlis
iii. Kawasan Tanah Tinggi Antara Daerah Bentong-Raub-Hulu Selangor <ul style="list-style-type: none"> - Pusat peranginan dan pertanian tanah tinggi di Genting Highlands, Bkt Tinggi, Janda Baik dan Bukit Fraser 	Pahang Selangor
iv. Kawasan Persempadanan Antara Perak dan Selangor <ul style="list-style-type: none"> - Kawasan lembangan Sungai Bernam yang merentasi sempadan negeri 	Perak Selangor
v. Kawasan Ekologi Semula Jadi Antara Pahang dan Johor <ul style="list-style-type: none"> - Kawasan lembangan Sg. Endau yang merentasi sempadan negeri - Pulau-pulau dan taman laut di antara negeri bersempadan 	Pahang Johor

1

Kawasan Persempadanan Antara Kuala Lumpur, Selangor, Putrajaya dan Negeri Sembilan

Negeri Berkaitan : Selangor, Negeri Sembilan, W.P. Kuala Lumpur, W.P. Putrajaya

Aspek-aspek Penyelarasan

- Pembangunan dan perbandaran dalam **Konurbasi Nasional**;
- Perancangan pembangunan di kawasan sempadan bersama;
- Pembangunan sosioekonomi bandar, termasuk pembentukan bandar pintar, komuniti sejahtera, berdaya tahan, berdaya saing, bandar hijau dan rendah karbon;
- Penyediaan kemudahan dan infrastruktur bandar, jaringan jalan, rel, perkhidmatan bas, pelabuhan, jalur lebar dan sebagainya;
- Pemeliharaan sumber jaya alam semula jadi dan perkongsian sumber jaya pembangunan (terutamanya sumber bekalan air);
- Pengurusan kawasan lembangan yang merentasi sempadan negeri (iaitu Lembangan Sg. Klang dan Sg. Langat);
- Penyediaan kemudahan masyarakat (seperti kemudahan pendidikan, keselamatan, kesihatan, sukan dan rekreasi).

2

Negeri-negeri di Utara Semenanjung Malaysia

Negeri Berkaitan : Pulau Pinang, Kedah, Perak, Perlis

Aspek-aspek Penyelarasan

- Pembangunan dan perbandaran dalam **Konurbasi Utara**;
- Perancangan pembangunan di kawasan sempadan bersama;
- Penyediaan kemudahan infrastruktur dan utiliti, terutamanya bagi jaringan pengangkutan dan perhubungan;
- Pengurusan kawasan lembangan sungai, terutamanya bagi lembangan sungai yang merentasi sempadan negeri (iaitu lembangan Sg. Muda, Sg. Perai, Sg. Jawi dan Sg. Kerian);
- Pengurusan kawasan hutan tadahan air, sumber pengairan dan sumber bekalan air yang penting untuk sokongan hidup, aktiviti ekonomi dan pertanian (terutamanya kawasan jelapang padi di MADA, IADA Pulau Pinang, IADA Kerian dan IADA Sg. Manik).

3

Kawasan Tanah Tinggi Antara Daerah Bentong-Raub-Hulu Selangor

Negeri Berkaitan: Pahang, Selangor

Aspek-aspek Penyelarasan

- Pengurusan pembangunan pusat peranginan dan pertanian tanah tinggi (Genting Highlands, Janda Baik, Bukit Tinggi dan Bukit Fraser);
- Penyediaan kemudahan, infrastruktur dan utiliti (terutamanya jaringan jalan, sistem perhubungan, bekalan air, elektrik dan kemudahan masyarakat);
- Pemeliharaan dan pemuliharaan kawasan sumber jaya alam semula jadi di kawasan tanah tinggi, termasuk hutan tadahan air di hulu sungai;
- Pengawasan, pencegahan dan pengurusan geobencana (terutamanya tanah runtuh).

4

Kawasan Persempadanan Antara Perak dan Selangor

Negeri Berkaitan : Perak, Selangor

Aspek-aspek Penyelarasan

- Pengurusan kawasan lembangan Sg. Bernam yang merentasi sempadan antara negeri;
- Pengurusan sumber pengairan yang penting untuk aktiviti pertanian, terutamanya di kawasan hilir (termasuk kawasan jelapang padi di IADA Seberang Perak dan IADA Barat Laut Selangor);
- Perancangan pembangunan di bandar-bandar sempadan antara negeri (iaitu Tanjung Malim - Hulu Bernam).

5

Kawasan Ekologi Semula Jadi Antara Pahang dan Johor


Negeri Berkaitan : Pahang, Johor

Aspek-aspek Penyelarasan

- Pengurusan kawasan lembangan Sg. Endau yang merentasi sempadan antara negeri;
- Pemeliharaan kawasan hutan hujan tropika tanah pamah (di Endau-Rompin), pulau-pulau dan taman laut di sempadan antara negeri (terutamanya Pulau Tioman dan Taman Laut Sultan Iskandar);
- Perancangan pembangunan eko-pelancongan bagi kawasan hutan di Endau-Rompin, pulau-pulau peranginan dan taman laut.

STRATEGI RFN BERKAITAN

- PD 2.1 : Memperkukuh Fungsi Kawasan Pertumbuhan
- KD 2.1 : Memelihara dan Memulihara Aset Ekologi Negara
- KD 2.2 : Mengurus dan Mengawal selia Pembangunan di Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS)
- KD 2.3 : Menjamin Kelestarian Sumber Air Berterusan
- KD 2.5 : Menjamin Sekuriti Makanan Negara
- KD 2.7 : Memastikan Pemeliharaan dan Perlindungan Warisan Kebudayaan dalam Proses Perancangan Fizikal dan Kawalan Pembangunan



Daerah / Jajahan

- 1.1 Daerah Port Dickson
- 1.2 Daerah Rembau
- 1.3 Daerah Tampin
- 1.4 Daerah Kuala Pilah
- 1.5 Daerah Jempol
- 1.6 Daerah Melaka Tengah
- 1.7 Daerah Alor Gajah
- 1.8 Daerah Jasin
- 1.9 Daerah Muar
- 1.10 Daerah Segamat
- 2.1 Jajahan Kecil Lojing
- 2.2 Daerah Cameron Highlands
- 2.3 Daerah Lipis (sebahagian)
- 2.4 Daerah Kinta (sebahagian)
- 2.5 Daerah Batang Padang (sebahagian)
- 3.1 Daerah Pekan
- 3.2 Daerah Kuantan
- 3.3 Daerah Kemaman
- 3.4 Daerah Dungun
- 3.5 Daerah Jerantut
- 4.1 W.P. Kuala Lumpur
- 4.2 W.P. Putrajaya
- 4.3 Daerah Gombak
- 4.4 Daerah Hulu Langat
- 4.5 Daerah Petaling
- 4.6 Daerah Klang
- 4.7 Daerah Kuala Langat
- 4.8 Daerah Sepang
- 4.9 Daerah Seremban
- 5.1 Daerah Timur Laut
- 5.2 Daerah Barat Daya
- 5.3 Daerah Seberang Perai Utara
- 5.4 Daerah Seberang Perai Tengah
- 5.5 Daerah Seberang Perai Selatan
- 5.6 Daerah Sik
- 5.7 Daerah Baling
- 5.8 Daerah Kuala Muda
- 5.9 Daerah Kulim
- 5.10 Daerah Bandar Baharu
- 5.11 Daerah Hulu Perak
- 5.12 Daerah Selama
- 5.13 Daerah Kerian
- 5.14 Daerah Kubang Pasu
- 5.15 Negeri Perlis
- 6.1 Daerah Raub (sebahagian)
- 6.2 Daerah Bentong (sebahagian)
- 6.3 Daerah Hulu Selangor (sebahagian)

Lembangan Sungai

- 7.1 Lembangan Sungai Bernam
 - Daerah Muallim
 - Daerah Bagan Datuk (sebahagian)
 - Daerah Batang Padang (sebahagian)
 - Daerah Hilir Perak (sebahagian)
- 8.1 Lembangan Sungai Endau
 - Daerah Mersing
 - Daerah Segamat (sebahagian)
 - Daerah Kluang (sebahagian)
 - Daerah Rompin (sebahagian)

PELAN 8-1: JAWATANKUASA PERANCANGAN WILAYAH (JPW)

Kawasan JPW Semasa dan Cadangan

- JPW Semasa
- JPW Cadangan (Sempadan Kawasan JPW akan ditentukan oleh MPFN)
- Daerah / Jajahan

Lain-Lain


- Ibu Negeri
- Sempadan Negeri

- Nota:**
1. JPW Bagi Kawasan Persempadanan Antara Negeri Sembilan, Melaka & Johor
 2. JPW Bagi Kawasan Tanah Tinggi Cameron Highlands - Kinta - Lojing (CEKAL)
 3. JPW Bagi Kawasan Persempadanan Antara Daerah Pekan - Kuantan - Kemaman - Dungun - Jerantut (PAKADJ)
 4. Kawasan Persempadanan Antara Kuala Lumpur, Selangor, Putrajaya & Negeri Sembilan
 5. Negeri - negeri di Utara Semenanjung Malaysia
 6. Kawasan Tanah Tinggi Antara Daerah Bentong - Raub - Hulu Langat
 7. Kawasan Persempadanan Antara Perak & Selangor
 8. Kawasan Ekologi Semula Jadi Antara Pahang & Johor

Sumber:
Jawatankuasa Perancangan Wilayah, 2019

Menjadikan Kawasan Perairan Negeri Sebagai Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan

Selain daripada daratan dan persisiran pantai, kawasan perairan laut dengan tiga (3) batu nautika (5.556 km) dari tikas air surut terendah merupakan kawasan di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri. Kawasan perairan tersebut merupakan sebahagian sumber jaya alam semula jadi yang harus dipelihara bagi mengekalkan ekosistem hidupan marin.



Kawasan perairan laut yang berdampingan dengan daratan ini adalah sensitif terhadap aktiviti-aktiviti pembangunan yang dijalankan di atas tanah. Contohnya, isu pembuangan sisa ke sungai akan dibawa ke muara sungai dan seterusnya ke kawasan perairan laut. Sisa kumbahan yang tidak diurus di pulau pula akan menyebabkan masalah pencemaran kepada ekologi marin.

Oleh itu, kawasan perairan Negeri harus dijadikan sebagai sebahagian kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi memastikan perancangan pembangunan dan pemeliharaan sumber jaya alam semula jadi yang lebih menyeluruh, efektif dan mampan dapat dicapai. Ini termasuk kawalan pembangunan yang lebih baik terhadap aktiviti-aktiviti yang dijalankan di daratan dan kawasan perairan negeri.

Kawasan perairan laut digunakan untuk pelbagai aktiviti harus dirancang, diurus dan dimajukan secara mampan. Ini termasuk perancangan untuk:

- **Perlindungan dan Pemeliharaan Sumber Ekologi**

Terutamanya bagi taman-taman laut yang melibatkan kawasan dua (2) batu nautika di sekeliling pulau taman laut yang diwartakan.

- **Riadah dan Rekreasi Laut**

Untuk aktiviti sukan dan rekreasi laut yang biasanya di kawasan pantai peranginan dan pelancongan.

- **Perikanan dan Industri Akuakultur**

Sangkar yang harus ditempatkan di kawasan luar persisiran yang telah dizonkan sebagai zon industri akuakultur (ZIA) dan jauh daripada pantai-pantai pelancongan. Lokasi ZIA dan tahap tampungan untuk setiap ZIA berkaitan dengan jumlah sangkar maksimum harus ditentukan berdasarkan penilaian alam sekitar dan ekologi.

- **Perlombongan dan Pengorekan Pasir**

Lokasi dan kedalaman yang sesuai untuk pengorekan pasir harus dikenal pasti berdasarkan kepada kajian hidrologi, hidraulik, geologi dan ekologi.

- **Lain-lain**

- Penambakan laut;
- Pembinaan pelabuhan dan jeti;
- Pembinaan struktur bangunan di atas air (termasuk struktur secara terapung);
- Perlombongan petroleum mentah dan gas asli;
- Infrastruktur dan utiliti (seperti *submarine cable*).



Perancangan, pengawalan dan kawalselia pemuajuan dalam kawasan PBT seharusnya tidak terhad pada kawasan daratan, persisiran pantai dan pulau-pulau, malahan penting untuk merangkumi juga kawasan perairan Negeri yang berdampingan dengannya.


Kawasan perancangan dalam rancangan pemuajuan, iaitu RS dan RT, juga harus merangkumi kawasan perairan Negeri supaya sumber jaya tersebut juga dapat dirancang secara komprehensif dan diuruskan dengan baik.

Rancangan Tempatan Daerah Pontian 2030 (Penggantian) yang diwartakan pada 7 Mei 2020 (No. Warta: J.P.U 16 Jil. 64 No. 10) di mana kawasan perairan Negeri (3 batu nautika) telah dirangkumi sebagai sebahagian kawasan perancangan RT tersebut.




CONTOH PERANCANGAN KAWASAN PERAIRAN NEGERI DALAM RANCANGAN PEMAJUAN

Rancangan Struktur Negeri Johor 2030 yang diwartakan pada 26 Mac 2020 (No. Warta: J.P.U 12 Jil. 64 No. 7) di mana salah satu inisiatif pelaksanaan (IP 32.2) adalah memperluaskan kawasan perkhidmatan PBT dengan meliputi kawasan 3 batu nautika ke laut dan kawasan tambakan laut.



Zon Pemeliharaan Marin Taman Laut Sultan Iskandar (ZPM TSLI)



- 0 - 2 batu nautika dari pulau Taman Laut kawasan Taman Laut Malaysia, Negeri Johor
- 0 - 3 batu nautika dari daratan dan pulau kawasan perairan negeri - dikawal oleh agensi-agensi negeri
- >3 batu nautika dari daratan dan pulau kawasan perairan negara – Zon Envelope ZPM TSLI

Kawalan Zon Pemeliharaan Marin Taman Laut Sultan Iskandar

	Taman Laut Malaysia, Negeri Johor	Petudanan Taman Negeri Johor dan agensi negeri berkaitan	Agensi Persekitaran	
Jarak dari Garisan Skis terendah pulau Pulau-Pulau Taman Laut Johor Carian lebih bersempit (dari lebar pulau)	0 hingga 2 batu nautika	Dari 2 hingga 3 batu nautika	Selapas 3 batu nautika hingga sempadan negara	
Kawalan Menurut Keedah Pengurusan Marin Antarabangsa (Semua: ILM Negeri Johor)	No-Cue Zone Tidak dibenarkan sebarang aktiviti	No-Take Zone Hanya aktiviti non-extractive dibenarkan	Buffer Zone Hanya aktiviti sederhana seperti perikanan hook and line, pelancongan dan perikanan teledar dibenarkan	Multi-Use Zone Semua aktiviti dibenarkan termasuk perikanan dan pelancongan
Kawalan Perancangan Zon Pemeliharaan Marin TSLI dan RS Negeri Johor 2030 dan RKN Maklumat Pulau Daerah Mersing	Hanya aktiviti pelancongan bersempit rendah dibenarkan tanpa pengambilan sumber (non-extractive). Lain-lain aktiviti menurut peraturan undang-undang yang terpakai oleh Taman Laut Malaysia	Pelancongan dan perikanan teledar dibenarkan. Pengambilan sumber teledar dengan Kelulusan Pihak Berkuasa Negeri	Aktiviti perikanan dan pengambilan sumber adalah terhad supaya tidak mengancam sumber dan ekosistem TSLI	

STRATEGI RFN BERKAITAN


- KD 2.1 : Memelihara dan Memulihara Aset Ekologi Negara
- KD 2.2 : Mengurus dan Mengawal Selia Pembangunan di KSAS
- KD 2.6 : Memperkukuh Pemuliharaan, Pemeliharaan dan Perlindungan Tapak Warisan Kebudayaan dan Semula Jadi Negara

Penilaian dan Pemantauan Pelaksanaan RFN

Penilaian dan pemantauan terhadap RFN bertujuan untuk menentukan status pelaksanaan dan pencapaian RFN. Ia juga merupakan satu kehendak di mana laporan mengenai pelaksanaan RFN hendaklah dikemukakan kepada MPFN secara berkala. Penemuan daripada penilaian dan pemantauan terhadap RFN juga boleh menjadi asas bagi meninjau semula tindakan-tindakan RFN.

Kerja penilaian dan pemantauan terhadap RFN4 melibatkan dua (2) proses di mana empat (4) perkara akan dipantau dan dinilai, iaitu:-

- a. **Pemantauan status pelaksanaan RFN**, terutamanya mengenai status pelaksanaan tindakan-tindakan RFN serta inisiatif-inisiatif utama RFN.
- b. **Penilaian trend dan tahap pencapaian RFN**, iaitu menilai trend perubahan pembangunan semasa dengan berdasarkan indikator-indikator mengikut strategi RFN serta tahap pencapaian pembangunan yang disasarkan.



Pemantauan Status Pelaksanaan RFN

Penilaian secara kualitatif terhadap tahap pelaksanaan setiap tindakan dan inisiatif utama RFN4. Ia akan dibuat secara berkala sepanjang tempoh lima (5) tahun RFN.

Penilaian ini boleh dibuat dengan menggunakan kaedah skor (**scoring method**) untuk memantau tahap sejauh mana sesuatu tindakan dan inisiatif utama RFN4 telah dilaksanakan mengikut peringkat, iaitu sama ada peringkat perancangan, dalam proses melaksana atau telah siap dilaksanakan. **Jadual 8-5** menunjukkan contoh jadual pemantauan status pelaksanaan strategi dan tindakan RFN4 dan **Jadual 8-6** adalah contoh jadual pemantauan status pelaksanaan inisiatif utama RFN4. Penentuan tahap pencapaian ini boleh dibuat berdasarkan kepada penilaian secara kumpulan antara agensi-agensi pelaksana yang berkaitan. Dalam konteks ini, Kumpulan Kerja RFN yang dibentuk mengikut tiga (3) Teras Pembangunan RFN4 merupakan platform utama dalam kerja penilaian dan pemantauan ini.

Bagi memastikan tindakan dan inisiatif utama RFN4 dilaksanakan, kerja pemantauan RFN ini harus dijalankan dengan kerap dan konsisten. Ini juga bertujuan supaya isu dan masalah semasa melaksanakan RFN4 dapat dikenal pasti pada peringkat awalan dan dapat ditangani secara bersama antara agensi. Ini secara langsung akan mempertingkatkan keberkesanan serta pelaksanaan strategi dan tindakan RFN4.

Jadual 8-5: Contoh jadual untuk pemantauan status pelaksanaan strategi dan tindakan RFN4

Strategi dan Tindakan	Dalam Perancangan (Skor=1)	Dalam Pelaksanaan (Skor=2)	Siap Dilaksanakan (Skor=3)	Skor	
				Jumlah	Purata
Hala Tuju Strategik					
Strategi 1				6	6/3
Tindakan 1A		√		2	
Tindakan 1B			√	3	
Tindakan 1C	√			1	
Strategi 2				5	5/2
Tindakan 2A			√	3	
Tindakan 2B		√		2	

PENERANGAN

- Setiap tindakan RFN dinilai mengikut tahap pelaksanaan iaitu dalam perancangan (skor=1), dalam pelaksanaan (skor=2) atau siap dilaksanakan (skor=3).
- Berdasarkan kepada jumlah skor dan bilangan tindakan yang berkaitan, purata skor bagi sesuatu strategi RFN ditentukan.
- Nilai purata skor yang lebih tinggi bagi sesuatu strategi RFN menunjukkan tahap pelaksanaan yang lebih baik.

Jadual 8-6: Contoh jadual untuk pemantauan status pelaksanaan inisiatif utama RFN4

Strategi dan Tindakan	Dalam Perancangan (Skor=1)	Dalam Pelaksanaan (Skor=2)	Siap Dilaksanakan (Skor=3)	Skor	
				Jumlah	Purata
Hala Tuju Strategik					
Strategi 1				6	6/3
Inisiatif 1A		√		2	
Inisiatif 1B			√	3	
Inisiatif 1C	√			1	
Strategi 2				5	5/2
Inisiatif 2A			√	3	
Inisiatif 2B		√		2	

PENERANGAN

- Setiap inisiatif utama RFN dinilai mengikut tahap pelaksanaan iaitu dalam perancangan (skor=1), dalam pelaksanaan (skor=2) atau siap dilaksanakan (skor=3).
- Berdasarkan kepada jumlah skor dan bilangan inisiatif utama yang berkaitan, purata skor bagi sesuatu strategi RFN ditentukan.
- Nilai purata skor yang lebih tinggi bagi sesuatu strategi RFN menunjukkan tahap pelaksanaan yang lebih baik.

Status Pelaksanaan RFN

Status mengenai pelaksanaan sesuatu RFN telah dibuat bermula daripada RFN yang pertama. Secara umumnya, penilaian tersebut dibuat bagi mengenai pasti tahap pelaksanaan setiap dasar dan strategi RFN sama ada ia telah dilaksanakan dengan memuaskan, dalam pelaksanaan, atau masih dalam perancangan dan belum dilaksanakan.

RUMUSAN MENGENAI STATUS PELAKSANAAN RFN




RFN1

8 Tema
36 Dasar

Status pelaksanaan dinilai dengan skala yang dibahagikan kepada lima (5) di mana Skor 5 menunjukkan bahawa dasar tersebut telah dilaksanakan dengan tahap yang paling memuaskan.

Daripada kesemua 36 dasar RFN1, 75% telah dilaksanakan dengan tahap yang memuaskan. Manakala 25% masih dalam pelaksanaan dan daripada itu, tahap pelaksanaan bagi 6 dasar (17%) adalah paling tidak memuaskan di mana pelaksanaannya masih pada peringkat awalan.

PELAKSANAAN DASAR RFN1



MEMUASKAN
75%

TIDAK MEMUASKAN
25%

- ◆ Skor 5
- ◆ Skor 4
- ◆ Skor 3
- ◆ Skor 2
- ◆ Skor 1

Sumber: Evaluation Report, Review of NPP, 2009




RFN2

8 Tema
41 Dasar

Status pelaksanaan dinilai dengan skala yang dibahagikan kepada tiga (3), iaitu telah dilaksanakan, dalam pelaksanaan dan belum dilaksanakan.

Daripada kesemua 41 dasar RFN2, tiada dasar yang belum dilaksanakan. Daripada itu, 56% (23 dasar) telah dilaksanakan dan 44% (18 dasar) yang masih dalam pelaksanaan.

Pelaksanaan Dasar RFN2



- ◆ Telah Dilaksanakan
- ◆ Dalam Pelaksanaan
- ◆ Belum Dilaksanakan

Sumber: Laporan Penilaian dan Pemantauan Pelaksanaan RFN Ke-2, 2012




RFN3

3 Teras
38 Strategi

Status pelaksanaan dinilai dengan skala yang sama dengan RFN2, iaitu telah dilaksanakan, dalam pelaksanaan dan belum dilaksanakan.

Daripada kesemua 38 strategi RFN3, tiada strategi yang belum dilaksanakan. Daripada itu, 55% (21 strategi) telah dilaksanakan dan 45% (17 strategi) yang masih dalam pelaksanaan.

Pelaksanaan Strategi RFN3



- ◆ Telah Dilaksanakan
- ◆ Dalam Pelaksanaan
- ◆ Belum Dilaksanakan

Sumber: Laporan Penilaian dan Pemantauan Pelaksanaan RFN Ke-3, 2018

Penilaian Trend dan Tahap Pencapaian RFN

Penilaian secara kuantitatif dengan berdasarkan kepada indikator RFN4 bagi menentukan hasil selepas pelaksanaan pelbagai tindakan dan inisiatif utama RFN. Penilaian ini akan dijalankan secara tahunan dengan melalui sistem pangkalan data terutamanya *Malaysia Urban Observatory (MUO)*.

Penilaian ini dibuat berdasarkan kepada data dan maklumat statistik yang dikumpulkan mengikut indikator dan sasaran RFN4 (Jadual 8-7 dan Jadual 8-8). Manakala MUO sebagai pusat pangkalan data dan perkongsian data antara agensi, akan dibangunkan sebagai platform untuk tujuan penilaian kemampuan di Malaysia, termasuk pencapaian indikator RFN. Analisis dan penemuan daripada penilaian ini akan membolehkan trend perubahan dan pencapaian sesuatu aspek perancangan dapat diketahui apabila dibandingkan mengikut siri masa.

MUO adalah dilengkapi dengan sistem pelaporan yang akan menghasilkan output berdasarkan indikator RFN. Laporan penilaian akan dapat dihasilkan secara berkala dengan menunjukkan prestasi setiap indikator RFN dan tahap pencapaian pembangunan yang disasarkan dalam RFN.

Malaysia Urban Observatory

Malaysia Urban Observatory (MUO) adalah sistem yang dibangunkan sebagai pusat pangkalan data yang menggunakan pusat maklumat pintar bersepadu bagi menyokong perkhidmatan perancangan bandar dan pertumbuhan mampan. MUO mempunyai lima (5) fungsi utama, iaitu:

FUNGSI 1
Pelaporan
Pencapaian
Pembangunan
Mampan

- Membuat pelaporan berdasarkan indikator mengenai pencapaian kemampuan di Malaysia yang melibatkan dua (2) segmen utama, iaitu:



FUNGSI 2
Maklumat
Bandar

- Sebagai platform bagi mengumpul, berkongsi data dan memaparkan maklumat bandar-bandar di Malaysia yang boleh dicapai dan dipantau oleh orang awam secara terbuka.
- Dibahagikan mengikut aspek kemampuan dengan komponen MUO, iaitu sosial, ekonomi, fizikal dan alam sekitar.

FUNGSI 3
Penyelidikan
dan
Pembangunan

- Bertujuan untuk membantu pelbagai pihak bagi menganalisis dan menilai data perbandaran untuk tujuan tertentu dan menangani isu perbandaran di Malaysia.
- Menyokong pengurusan bandar, membuat keputusan, mengenal pasti langkah mitigasi untuk menyelesaikan/ mengurangkan isu-isu perbandaran

FUNGSI 4
Sokongan
Membuat
Keputusan

- Sistem sokongan perancangan untuk mencapai matlamat pembangunan mampan dengan berasaskan kepada polisi dan dasar perancangan.
- Mengadaptasikan konsep berasaskan *Scenario-Based Spatial Modelling* untuk cadangan penyelesaian masalah isu perbandaran.

FUNGSI 5
Platform Bandar
Pintar Negara

- Sebagai platform yang akan diintegrasikan dalam *intelligence operation centre (IOC)* tempatan melalui inisiatif bandar pintar.

Jadual 8-7: Indikator bagi RFN4

TERAS 1 : PERTUMBUHAN DINAMIK DAN SEIMBANG

Strategi	Indikator	Sumber Data
PD 1 : Pengukuhan Kedudukan Strategik Negara di Peringkat Global		
PD 1.1 : Memperkukuh Kerjasama Serantau dalam Perancangan Fizikal dan Pembangunan Ekonomi	• Jumlah perdagangan (import dan eksport) Malaysia dengan negara-negara ASEAN	Jab. Perangkaan Malaysia; Jabatan Imigresen Malaysia
	• Jumlah pelawat ke Malaysia dari negara-negara ASEAN	
	• Jumlah pelawat dari Malaysia ke negara-negara ASEAN	
PD 1.2 : Memperkukuh Perancangan Keselamatan Negara	• Kedudukan Malaysia dalam: <ul style="list-style-type: none"> - <i>Global Peace Index</i> - <i>Global Health Security Index</i> 	PLANMalaysia
PD 2 : Pertumbuhan Ekonomi Mampun dan Berdaya Saing		
PD 2.1 : Memperkukuh Fungsi Kawasan Pertumbuhan	• Kadar urbanisasi (bagi negara, wilayah dan negeri)	Jab. Perangkaan Malaysia
	• Kedudukan bandar-bandar utama dalam indeks prestasi dunia: <ul style="list-style-type: none"> - <i>The Global Competitiveness Index</i> - <i>Hot Spot 2025 Future Competitive of Cities</i> - <i>Global Power City Index</i>; - <i>Global Cities Index</i>. 	PLANMalaysia
PD 2.2 : Mempergiatkan Aktiviti Ekonomi Digital sebagai Asas Pertumbuhan Ekonomi	• Jumlah dan peratus KDNK sektor perkhidmatan	Jab. Perangkaan Malaysia
	• Jumlah dan peratus guna tenaga sektor perkhidmatan	
PD 2.3 : Mengaplikasi Teknologi Industri Terkini Sebagai Tunjang Pertumbuhan Ekonomi	• Jumlah dan peratus KDNK sektor pembuatan	Jab. Perangkaan Malaysia
	• Jumlah dan peratus guna tenaga sektor pembuatan	
PD 2.4 : Mempelbagaikan Produk dan Liputan Sektor Pelancongan Sebagai Salah Satu Penggerak Utama Ekonomi Negara	• Sumbangan sektor pelancongan kepada KDNK negara	Jab. Perangkaan Malaysia; Tourism Malaysia
	• Jumlah ketibaan pelancong ke Malaysia	
	• Jumlah pelawat domestik	
PD 2.5 : Memastikan Penyediaan Infrastruktur dan Kemudahan Pelancongan Berkualiti Tinggi	• Sumbangan sektor pelancongan kepada KDNK negara	Jab. Perangkaan Malaysia; Tourism Malaysia
	• Jumlah ketibaan pelancong ke Malaysia	
	• Jumlah pelawat domestik	
PD 2.6 : Memanfaatkan Sumber Tempatan Luar Bandar	• Jumlah dan peratus KDNK sektor pertanian	Jab. Perangkaan Malaysia;
	• Peratus sumbangan ekonomi luar bandar	
PD 3 : Rangkaian Hubungan Pengangkutan Strategik dan Bersepadu		
PD 3.1 : Mengukuhkan Rangkaian dan Perhubungan Pengangkutan Jalan Raya	• Indeks pembangunan jalan (bagi negara, wilayah dan negeri)	Jab. Kerja Raya
PD 3.2 : Memastikan Sistem Rangkaian Rel sebagai Tunjang Utama Pengangkutan	• Jumlah penumpang ETS dan KTM Intercity	Kementerian Pengangkutan
PD 3.3 : Mengukuhkan Perkhidmatan Pengangkutan Awam untuk Mencapai Sasaran Modal Split	• Jumlah pengguna pengangkutan awam bandar mengikut jenis pengangkutan (rel bandar, bas bandar, dll)	Kem. Pengangkutan
	• Kadar penggunaan pengangkutan awam/ Modal split di bandar utama (KL, Putrajaya, Johor Bahru, George Town, Kuantan)	Kem. Pengangkutan; Jab. Kerja Raya
PD 3.4 : Mengukuhkan Perhubungan Udara di Peringkat Global, Serantau dan Tempatan	• Jumlah destinasi perjalanan dari lapangan terbang utama	Kementerian Pengangkutan
	• Jumlah penumpang perkhidmatan udara (domestik, serantau dan antarabangsa)	
	• Jumlah kargo yang dikendalikan di lapangan terbang	
	• Kedudukan lapangan terbang di peringkat dunia (<i>World Airport Rankings</i>)	
PD 3.5 : Mempertingkatkan Perkhidmatan Pengangkutan Air	• Jumlah perkhidmatan teksi air, feri dan kapal persiaran	Kementerian Pengangkutan
	• Jumlah penumpang teksi air, feri dan kapal persiaran	
PD 3.6 : Memperkukuhkan Industri Logistik	• Jumlah kargo yang dikendalikan di pelabuhan	Kementerian Pengangkutan
	• Kedudukan pelabuhan di peringkat dunia (<i>World Port Rankings</i>)	
	• Kedudukan Malaysia dalam <i>Logistics Performance Index</i> (LPI)	

TERAS 1 : PERTUMBUHAN DINAMIK DAN SEIMBANG

Strategi	Indikator	Sumber Data
PD 4 : Peningkatan Infrastruktur Digital dan Pintar		
PD 4.1 : Memastikan Pembangunan Infrastruktur yang Menuju ke arah <i>Smart Nation</i>	• Peratus kawasan liputan perkhidmatan jalur lebar	Kem. Komunikasi dan Multimedia
	• Purata kelajuan perkhidmatan jalur lebar	
	• Kelajuan perkhidmatan jalur lebar di ibu negeri	
	• Kelajuan perkhidmatan jalur lebar di kawasan pinggir/ luar bandar	
PD 4.2 : Memastikan Pelaksanaan Agenda Bandar Pintar yang Komprehensif	• Bilangan PBT yang menyediakan pelan bandar pintar	PLANMalaysia
	• Kedudukan bandar utama dalam <i>Smart City Index</i> peringkat global	

TERAS 2 : KEMAMPANAN SPATIAL DAN DAYA TAHAN PERUBAHAN IKLIM

Strategi	Indikator	Sumber Data
KD 1 : Perancangan Guna Tanah Holistik		
KD 1.1 : Merancang Pembangunan Tanah secara Optimum	• Kadar perubahan guna tanah utama (bagi negara, negeri)	PLANMalaysia
	• Jumlah pembangunan TOD di bandar-bandar utama	Pihak Berkuasa Negeri/Pihak Berkuasa Tempatan
	• Bilangan tanah wakaf yang telah dibangunkan	Majlis Agama Islam Negeri (MAIN)
	• Bilangan tanah rizab melayu yang telah dibangunkan	Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTG) / Pihak Berkuasa Tempatan
KD 1.2 : Mengutamakan Pembaharuan Semula Bandar di Kawasan Sedia Ada	• Penyediaan garis panduan perancangan pembaharuan semula bandar	PLANMalaysia
	• Bilangan kawasan <i>brownfield</i> yang telah dibangunkan mengikut negeri/ PBT	PLANMalaysia@Negeri/Pihak Berkuasa Tempatan
KD 1.3 : Memastikan Kawasan Tumpuan Pembangunan Dibangunkan Secara Mampan	• Densiti penduduk kawasan tepu bina (bagi negara, negeri)	PLANMalaysia
	• Densiti ekonomi kawasan pembangunan (bagi negara, negeri)	
	• Bilangan PBT yang mendapat status bandar mampan (berdasarkan MURNINets)	Pihak Berkuasa Negeri/Pihak Berkuasa Tempatan
	• Penyediaan kajian ketepatan dan penentuan intensiti pembangunan bandar	PLANMalaysia
KD 1.4 : Pelaksanaan Dan Pembangunan Malaysia Urban Observatory (MUO) Sebagai Pusat Data Raya Perbandaran dan Platform Bandar Pintar Negara	• Pembangunan MUO sebagai pusat data raya perbandaran dan platform bandar pintar negara	PLANMalaysia
	• Bilangan program pembangunan pakar dalam bidang berkaitan	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)
	• Bilangan MOU/ Nota Kerjasama/ <i>Letter of Intent</i>	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)/ PLANMalaysia
	• Bilangan program sebaran dan publisiti MUO	PLANMalaysia
KD 1.5 : Melaksana Mitigasi untuk Mengurangkan Risiko Bencana Semula Jadi dan Perubahan Iklim	• Tahap kedudukan negara dalam pengurusan risiko bencana di peringkat global	Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA)
	• Penubuhan pusat latihan pengurusan risiko bencana	
	• Penyediaan pemetaan kawasan risiko bencana	Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA)
	• Penilaian risiko dan kerapuhan pesisiran pantai terhadap kenaikan aras air laut	PLANMalaysia
KD 2 : Pengurusan Mampan Sumber Asli, Sumber Makanan dan Sumber Warisan		
KD 2.1 : Memelihara dan Memulihara Aset Ekologi Negara	• Luas dan peratus kawasan liputan hutan	Jab. Perhutanan S.M.
	• Pemeliharaan kawasan koridor CFS yang terancam	
	• Luas kawasan HSK yang diwartakan	Jab. Perhutanan S.M.
	• Pengurangan intensiti pelepasan GHG	Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA)
	• Luas kawasan perlindungan marin yang diwartakan	Jabatan Perikanan Malaysia
	• Bilangan Program <i>Indigenous and Local Community Conserved Areas</i> (ILCA) bersama masyarakat tempatan dan agensi kerajaan	Jab. Perhutanan S.M. Jabatan Kemajuan Orang Asli

● ● ● Sambungan

TERAS 2 : KEMAMPANAN SPATIAL DAN DAYA TAHAN PERUBAHAN IKLIM

Strategi	Indikator	Sumber Data
KD 1 : Pengurusan Mampan Sumber Asli, Sumber Makanan dan Sumber Warisan		
KD 2.2 : Mengurus dan Mengawal Selia Pembangunan di Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS)	• Bilangan Rancangan Struktur (RS) dengan KSAS yang dikenal pasti	PLANMalaysia/Pihak Berkuasa Tempatan
	• Jumlah luas KSAS dalam rancangan pemajuan	
	• Jumlah KSAS yang diwartakan dalam RSN dan RT	
	• Bilangan projek tambakan dan tebus guna tanah di pesisiran pantai yang diangkat ke MPFN	
KD 2.3 : Menjamin Kelestarian Sumber Air Berterusan	• Luas dan peratus kawasan tadahan air yang diwartakan	Jab. Pengairan dan Saliran/ Badan Kawal Selai Air
	• Bilangan riparian sungai yang diwartakan	
	• Bilangan pelan induk pengurusan lembangan sungai bersepadu (IRBM)	Jab. Pengairan dan Saliran
	• Bilangan program Denai Sungai Kebangsaan	Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA)
	• Kualiti air sungai dan bilangan sungai tercemar	Jab. Alam Sekitar
	• Kajian jumlah bebanan harian maksimum (<i>Total Maximum Daily Load</i> , TMDL) untuk mengenal pasti beban pencemaran	Jab. Pengairan dan Saliran
	• Kualiti air tanah yang dipantau	Jab. Alam Sekitar
	• Peratus kehilangan kadar air tidak berhasil (NRW)	Jab. Pengairan dan Saliran
	• Mengenalpasti zon perlindungan air bawah tanah	Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia
KD 2.4 : Mengurus Sumber dan Kepelbagaian Geologi	• Peratus kawasan liputan disediakan dengan peta sumber mineral	Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia
	• Peratus kerangka simpanan mineral, galian dan nadir bumi	
	• Bilangan projek pembangunan semula kawasan bekas lombong dengan pembangunan berimpak rendah	Pihak Berkuasa Tempatan/ Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia
	• Pengiktirafan tapak warisan dan geopark di peringkat kebangsaan dan antarabangsa (Global UNESCO Geopark)	Jabatan Mineral dan Geosains Negeri/ Jabatan Warisan Negara
	• Penubuhan badan yang mengawal selia pembangunan sumber mineral negara	Jabatan Mineral dan Geosains Negeri
KD 2.5 : Menjamin Sekuriti Makanan Negara	• Luas kawasan jelapang padi yang dilindungi	Jab. Pertanian
	• Luas dan jumlah/ program kawasan taman kekal pengeluaran makanan (TKPM) yang baru dan sedia ada	
	• Luas dan bilangan/ program kawasan zon industri akuakultur (ZIA) yang baru dan sedia ada	
	• Sasaran tahap sara diri (SSL) beras dan lain-lain	
	• Prestasi malaysia dalam Indeks Sekuriti Makanan Global / Global Food Security Index (GFSI)	
	• Bilangan teknologi pertanian pintar yang dibangunkan.	

TERAS 2 : KEMAMPANAN SPATIAL DAN DAYA TAHAN PERUBAHAN IKLIM

Strategi	Indikator	Sumber Data
KD 2 : Pengurusan Mampas Sumber Asli, Sumber Makanan dan Sumber Warisan		
KD 2.6 : Memperkukuh Pemeliharaan, Pemuliharaan dan Perlindungan Tapak Warisan Kebudayaan dan Semula Jadi Negara	• Bilangan tapak warisan yang ditentukan dan didaftarkan sebagai Warisan Kebangsaan bawah Akta 645	Jab. Warisan Negara
	• Bilangan tapak warisan dan Warisan Kebangsaan yang terancam	
	• Bilangan tapak warisan dan Warisan Kebangsaan disediakan dengan Pelan Pengurusan Pemuliharaan (CMP)	
KD 2.7 : Memastikan Pemeliharaan dan Perlindungan Warisan Kebudayaan Dalam Proses Perancangan Fizikal dan Kawalan Pembangunan	• Penyediaan pelan pemetaan budaya/ warisan	Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara
	• Penyediaan garis panduan perancangan pemuliharaan kawasan dan bangunan warisan	Jab. Warisan Negara
	• Bilangan projek telah di transformasi ke arah beridentiti warisan/ budaya/ <i>placemaking</i>	Pihak Berkuasa Tempatan/ Jab. Warisan Negara
KD 3 : Pembangunan Ke Arah Negara Neutral Karbon		
KD 3.1 : Memperluas Pelaksanaan Rangka Kerja Bandar Rendah Karbon	• Kadar gas rumah kaca (GHG) per kapita	Kem. Alam Sekitar dan Air; MGTC
	• Intensiti perlepasan gas CO ₂ daripada KDNK pada tahun semasa berbanding dengan paras tahun 2005	
	• Jumlah PBT menerima pakai LCCF	PLANMalaysia/Pihak Berkuasa Tempatan
	• Bilangan Negeri dan PBT yang mempunyai pelan tindakan bandar rendah karbon.	
	• Penyediaan garis panduan perancangan bandar rendah karbon	
	• Bilangan RT yang menerapkan elemen perancangan bandar rendah karbon dan perubahan iklim	
	• Bilangan bandar yang diiktiraf sebagai bandar rendah karbon	Kem. Alam Sekitar dan Air; MGTC
• Jumlah bangunan dan pembangunan mendapat status bangunan hijau	• Penyediaan <i>roadmap</i> ke arah negara neutral karbon	Kem. Alam Sekitar dan Air
	• Kem. Alam Sekitar dan Air; MGTC	
KD 3.2 : Meningkatkan Pengurusan Sumber Tenaga Alternatif yang Mampan	• Jumlah janaan tenaga boleh baharu (mengikut sumber)	Kem. Alam Sekitar dan Air; MGTC
	• Kadar tenaga boleh baharu (mengikut jenis sumber)	
	• Tahap kecekapan tenaga	Kem. Tenaga dan Sumber Asli; SEDA
	• Bilangan pembangunan ladang solar di negeri-negeri.	
	• Bilangan kawasan yang berpotensi bagi janaan tenaga biogas dan biojisim	
	• Bilangan jana kuasa hidro kecil yang dibangunkan	
KD 3.3 : Memperkukuh Pengurusan Sisa yang Cepak dan Mampan	• Jumlah dan peratus sisa pepejal dihantar ke tapak pelupusan sanitari	Jab. Pengurusan Sisa Pepejal Negara
	• Jumlah dan peratus sisa pepejal di tapak pelupusan dirawat semula	
	• Bilangan pusat kitar semula bagi sisa elektronik dan sisa tekstil	Jabatan Alam Sekitar
	• Cadangan kemudahan fasiliti pengurusan sisa pepejal (di Negeri-negeri di bawah Akta 672) bagi tahun 2020 hingga 2025) yang telah dibangunkan	Jab. Pengurusan Sisa Pepejal Negara
	• Peratusan kadar kitar semula sisa isi rumah	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)

● ● ● Sambungan

TERAS 3: PERSEKITARAN BERDAYA HUNI DAN KOMUNITI INKLUSIF

STRATEGI	INDIKATOR	Sumber Data
KI 1 : Perancangan Penyediaan Perumahan untuk Semua Masyarakat		
KI 1.1 : Memastikan Penawaran Perumahan yang Bersesuaian Mengikut Keperluan	• Jumlah rumah mampu milik yang telah dibangunkan	Jab. Perumahan Negara
	• Bilangan kampung yang terlibat dengan program bekalan air luar bandar dan mendapat bekalan air bersih	Jab. Perumahan Negara; Bank Negara Malaysia
KI 1.2 : Mengawal Perancangan Penyediaan Perumahan yang Sistematis	• Jumlah projek perumahan berkonsepkan <i>retirement village</i> kepada warga emas	Jab. Perangkaan Malaysia
KI 2 : Pembentukan Masyarakat Berpendidikan yang Berdaya Saing Secara Menyeluruh		
KI 2.1 : Menyediakan Kemudahan Pendidikan Asas kepada setiap Lapisan Masyarakat di Seluruh Negara	• Bilangan sekolah yang dilengkapi kemudahan jalur lebar	Kem. Pendidikan Malaysia; Kem. Komunikasi dan Multimedia
	• Bilangan pusat pendidikan khas yang disediakan untuk golongan OKU	Kem. Pendidikan Malaysia
KI 2.2 : Memperkasakan Masyarakat Mahir dan Berpendidikan Tinggi Menerusi Institusi Pendidikan yang Bersepadu	• Bilangan kemasukan, enrolmen dan keluaran mengikut peringkat IPT	Kem. Penggajian Tinggi; Kem. Pendidikan Malaysia
	• Bilangan projek pembangunan PAWE berdasarkan keperluan warga emas	
KI 3 : Persekitaran yang Kondusif dan Berdaya Huni		
KI 3.1 : Mempertingkatkan Pelaksanaan Konsep Kejiranan Komuniti Menerusi Penyediaan Ruang dan Kemudahan untuk Kegunaan Bersama	• Projek <i>placemaking</i> mengikut PBT	Pihak Berkuasa Tempatan
	• Pelan induk rangkaian laluan pejalan kaki dan basikal mengikut setiap PBT	Pihak Berkuasa Tempatan
KI 3.2 : Membangunkan Kemudahan Masyarakat secara Bersepadu dan Kondusif	• Bilangan pembangunan perkuburan bersepadu (mengikut negeri, PBT)	PLANMalaysia
KI 3.3 : Mengarusperdanakan Gaya Hidup Bersih, Sihat dan Selamat dalam Perancangan dan Pembangunan	• PBT yang menerima anugerah berkaitan amalan hijau	PLANMalaysia
	• Jumlah keluasan kawasan lapang dan taman bandar yang diwartakan	Pihak Berkuasa Tempatan
	• PBT yang terlibat dalam program bandar selamat	Polis Diraja Malaysia
KI 4 : Perancangan dan Pembangunan Mesra Komuniti		
KI 4.1 : Menerapkan Kolaborasi dan Perkongsian Strategik dalam Pembangunan	• Bilangan program bersama masyarakat yang dianjurkan oleh PBT	Pihak Berkuasa Tempatan
	• Bilangan projek di bawah CSR yang telah dilaksanakan oleh syarikat korporat	

Jadual 8-8: Sasaran bagi RFN4

Hala Tuju Strategik	Perkara	Sasaran		
		Semasa	2030	2040
Teras 1 : Pertumbuhan Dinamik dan Seimbang				
PD 1 : Pengukuhan Kedudukan Strategik Negara di Peringkat Global	-	-	-	-
PD 2 : Pertumbuhan Ekonomi Mampan dan Berdaya Saing	Kadar Perbandaran	75.6% (2018)	80%	tidak melebihi 85%
PD 3 : Rangkaian Hubungan Pengangkutan Strategik dan Bersepadu	-	-	-	-
PD 4 : Kesediaan Infrastruktur Digital	Liputan Jalur Lebar (Wireless Broadband)	Liputan 3G di seluruh negara Perkembangan pesat 4G (2018)	Teknologi Baharu	
	Liputan Jalur Lebar (Fixed Broadband)	Berkembang daripada jalur lebar berkelajuan tinggi (HSBB) ke HSBB 2 dan Sub-Urban Broadband (SUBB) (2018)	Teknologi Baharu	
Teras 2 : Kemampanan Spatial dan Daya Tahan Perubahan Iklim				
KD 1 : Perancangan Guna Tanah Holistik	Tepu Bina (Semenanjung Malaysia) <i>Unjuran kawasan tepu bina berdasarkan nisbah 1.0 iaitu kadar penggunaan tanah adalah selari dengan kadar pertumbuhan penduduk Semenanjung Malaysia pada tahun 2040.</i>	Sem. Malaysia: 1,236,637 hek 9.4% W.P. Labuan: 4,512 hek 45.3% (2018)	Sem. Malaysia: 1,386,946 hek 10.5% W.P. Labuan: 5,055 hek 50.7%	Sem. Malaysia: 1,504,730 hek 11.4% W.P. Labuan: 5,467 hek 54.8%
	Meningkatkan Tahap Kedudukan Negara (Pengurusan Risiko Bencana Negara Di Peringkat Global) <i>(Makin tinggi makin bagus)</i>	104 (2018)	120	125
KD 2 : Pengurusan Mampan Sumber Asli, Sumber Makanan dan Sumber Warisan	Pengekalan Keluasan Litupan Hutan (Semenanjung Malaysia) <i>Ke arah 50% kawasan litupan hutan menjelang tahun 2040 bagi Semenanjung Malaysia yang juga berperanan sebagai carbon sink.</i>	47.7% 6,286,434 hek (2018)	49.0%	50.0%
KD 3 : Pembangunan Ke Arah Negara Neutral Karbon	Tahap Kemampanan Bandar (101 PBT) <i>Sasaran bandar mampan mengikut PBT dengan memenuhi kriteria-kriteria MurniNets</i>	60 PBT Mampan (2018)	101 PBT Mampan	
Teras 3 : Persekitaran Berdaya Huni dan Komuniti Inklusif				
KI 1 : Penyediaan Perumahan untuk Semua Masyarakat	Unjuran Penduduk Malaysia <i>Sasaran penduduk adalah berasaskan kadar pertumbuhan semula jadi. Perancangan yang memupuk kesejahteraan hidup dan inklusiviti dalam kalangan masyarakat.</i>	32.4 juta	38.1 juta	41.5 juta
KI 2 : Masyarakat Berpendidikan yang Berdaya Saing	-	-	-	-
KI 3 : Persekitaran Kehidupan yang Kondusif dan Berdaya Huni	-	-	-	-
KI 4 : Penglibatan Komuniti dalam Pembangunan	-	-	-	-

Laporan Penilaian Pelaksanaan RFN dan Kajian Semula RFN

Penilaian secara berterusan mengenai pelaksanaan RFN perlu dibuat bagi memantau keberkesanan RFN dalam mencapai matlamat pembangunan negara. Laporan mengenai penilaian pelaksanaan RFN harus dilaporkan kepada MPFN dari masa ke semasa.

Mengikut subseksyen 6B(6) Akta 172, laporan mengenai pelaksanaan RFN hendaklah dilaporkan kepada MPFN secara berkala. Laporan tersebut harus mengandungi penemuan yang diperolehi daripada kerja penilaian dan pemantauan pelaksanaan RFN mengenai status pelaksanaan, trend dan tahap pencapaian RFN tersebut.

RFN perlu dikaji semula setiap lima (5) tahun seiring dengan kajian semula Rancangan Pembangunan Lima Tahun. Untuk laporan penilaian pelaksanaan bagi RFN4 ini pula, adalah disyorkan supaya ia disediakan dan dikemukakan kepada MPFN secara berkala (**Rajah 8-3**).

		RFN4 (2021 – 2025)					RFN Ke-5 (2026 – 2030)						
		TAHUN	2021	2022	2023	2024	2025	2026	2027	2028	2029	2030	2031
Penilaian dan Pemantauan	Status Pelaksanaan (mengikut penggal)				•		•			•		•	
	Tahap dan Trend Pencapaian (secara tahunan)	•	•	•	•	•	•	•	•	•	•	•	•
*LAPORAN PENILAIAN PELAKSANAAN RFN				•		•		•		•		•	
PENILAIAN TERHADAP SASARAN PEMBANGUNAN DAN INDIKATOR RFN													
Kajian Semula RFN						•						•	

Rajah 8-3: Cadangan tempoh masa untuk penyediaan laporan penilaian pelaksanaan RFN dan kajian semula RFN
Sumber: RFN4, 2020

Dalam kajian semula RFN, penemuan daripada penilaian pelaksanaan RFN akan menjadi sebagai panduan yang penting bagi menambah baik terhadap dasar, strategi dan tindakan RFN ke arah pembangunan negara yang mampan.

Status pelaksanaan dan tahap pencapaian sesuatu strategi dan tindakan RFN akan menjadi sebagai panduan yang penting dalam kajian semula RFN, sama ada strategi dan tindakan tersebut perlu dikekalkan atau ditambah baik ke arah bagi mencapai matlamat pembangunan negara.

Selain daripada penilaian status pelaksanaan RFN, analisis dan penilaian MUO mengenai tahap kemampuan di peringkat global, nasional dan perbandaran juga akan menjadi sebagai input utama dalam kajian semula RFN. Tambahan juga dengan input-input lain mengenai isu, cabaran dan trend semasa pembangunan yang dikenal pasti akan membantu dalam mencorakkan hala tuju pembangunan nasional selari dengan agenda pembangunan antarabangsa yang lebih mampan dan sejahtera.